*Beliau telah berjaya memperolehi bantuan Geran Agropreneur Muda berjumlah RM15,000.00. Setelah menerima bantuan, beliau telah berjaya meningkatkan pengeluaran dan pendapatannya sehingga RM240,000.00. Kini, beliau telah mempunyai kilang sendiri dengan 10 orang pekerja.*

# Wawasan/Harapan

*Beliau berharap dapat menembusi pasaran di pasaraya yang terkenal di Malaysia di samping dapat membuka cawangan-cawangan yang baru.*



## ANIS FADZILAH
Binti Sa'ary

**Sektor :** Industri Asas Tani
Agensi
Pembimbing : **KADA**

*Umur*
**31 Tahun**

*Nama Syarikat*
**Kak Zah Jaya Enterprise**

*No. Daftar Syarikat*
**AS0374756-A**

*Emel/Media Sosial*
**FB : Kak Zah Jaya Enterprise**

*Alamat Projek*
**Kota Bharu, Kelantan**

*Jenis Projek*
**Pemprosesan Makanan Sejuk Beku**

*Tahun Menerima Geran*
**2016**

*Nilai Geran*
**RM 15,000.00**

*Pendapatan Kasar Projek (RM) / Tahunan*
**RM240,000.00**

*Persijilan*
**HALAL & MeSTI**

*Pasaran Tempatan*
**Tempatan**







## MUJAIDIN
Bin Abdullah

**Sektor :** Industri Asas Tani

Agensi Pembimbing : **KADA**

# Sejarah

*Beliau telah memulakan perniagaan dengan hasil minat beliau semenjak dari kecil. Kini, beliau semakin melonjak ke depan dalam perniagaan beliau.*

# Kisah Kejayaan

*Beliau berjaya meningkatkan pengeluaran sebanyak 3 tan serbuk kopi sebulan dan telah mempunyai seramai 4 orang pekerja. Pasaran beliau adalah seluruh Kelantan, Terengganu dan Pahang. Beliau juga telah menerima pensijilan HALAL.*

# Wawasan/Harapan

*Beliau berharap dapat menambah sebuah lagi kilang dan meluaskan pasaran ke seluruh Malaysia*

*Umur*
**40 Tahun**

*Nama Syarikat*
**Mujahid Coffee & Curry Power Trading**

*No. Daftar Syarikat*
**AS0363160-A**

*Emel/Media Sosial*
**FB : Serbuk Kopi Cap Tangan Pak Lah**

*Alamat Projek*
**Kota Bharu, Kelantan**

*Jenis Projek*
**Pemprosesan Kopi**

*Tahun Menerima Geran*
**2016**

*Nilai Geran*
**RM15,000.00**

*Pendapatan Kasar Projek (RM) / Tahunan*
**RM200,000.00**

*Persijilan*
**HALAL**

*Pasaran Tempatan*
**Tempatan**







## NIK FAZLI
Bin Nik Mohamad Fathil

**Sektor :** Industri Asas Tani

Agensi Pembimbing : **LKIM**

# Sejarah

*Bermula dengan pemprosesan keropok lekor. Mendapati produk otak-otak dan sata ada potensi yang besar untuk di ketengahkan di Kedah memandangkan produk ini berasal dari selatan tanahair. Mula menghasilkan produk otak-otak pada tahun 2009 dan sata ikan serta sata daging pada tahun 2010.*

# Kisah Kejayaan

*Tempat ketiga Pertandingan Produk Inovasi bagi penghasilan Sata Daging anjuran MAHA. Beliau merupakan satu-satunya usahawan yang memproses otak-otak, sata ikan dan sata daging secara komersil di utara.*

# Wawasan/Harapan

*Berharap produk syarikat boleh dipasarkan di pasaraya tempatan disamping membuka peluang pekerjaan yang lebih luas kepada penduduk setempat.*

*Umur*
**36 Tahun**

*Nama Syarikat*
**-**

*No. Daftar Syarikat*
**-**

*Emel/Media Sosial*
**mekarteguhjaya@gmail.com**

*Alamat Projek*
**Sungai Petani, Kedah.**

*Jenis Projek*
**Pemprosesan Otak-Otak, Sata Ikan dan Sata Daging.**

*Tahun Menerima Geran*
**2019**

*Nilai Geran*
**RM 15,000.00**

*Pendapatan Kasar Projek (RM) / Tahunan*
**RM60,000.00**

*Persijilan*
**MESTI**

*Pasaran Tempatan*
**Seluruh Malaysia**







# ANIS ARNISHA
Binti Rosdan
**Sektor :** Industri Asas Tani
Agensi Pembimbing : KADA

## Sejarah

*Beliau mula menjalankan projek pada tahun 2018 dan lokasi awal projek hanyalah di dapur rumah. Pada peringkat awal, beliau hanya mempunyai seorang pekerja dan kini telah mempunyai seramai dua orang pekerja. Beliau telah mempunyai premis yang sendiri pada tahun 2019 dan pada peringkat permulaan mempunyai satu produk sahaja, namun kini telah mempunyai 60 produk utama. Pasaran beliau adalah di seluruh Negeri Kelantan.*

## Kisah Kejayaan

*Peserta baru sahaja membuka kedai baru yang lebih luas dan selesa di Kok Lanas, Kelantan. Mempunyai 2 orang pekerja dan telah mempunyai hampir 60 produk. Pasaran beliau adalah diseluruh Negeri Kelantan*

## Wawasan/Harapan

*Beliau berharap dapat membuka lebih banyak cawangan serta menambah lagi jumlah produk yang boleh dihasilkan oleh beliau. Beliau juga dalam proses untuk permohonan halal*

*Umur*
**23 Tahun**

*Nama Syarikat*
-

*No. Daftar Syarikat*
-

*Emel/Media Sosial*
-

*Alamat Projek*
**Kota Bharu, Kelantan**

*Jenis Projek*
**Pemprosesan Bakeri**

*Tahun Menerima Geran*
**2019**

*Nilai Geran*
**RM 15,000.00**

*Pendapatan Kasar Projek (RM) / Tahunan*
**RM72,000.00**

*Persijilan*
-

*Pasaran Tempatan*
**Seluruh Malaysia**



---





# NOR HASWANY
Binti Che Noh
**Sektor :** Industri Asas Tani
Agensi Pembimbing : KADA

## Sejarah

*Beliau memulakan projek pada tahun 2017 di dapur sendiri. Pada bulan 11, tahun 2020 beliau telah mempunyai premis sendiri. Pada peringkat awal beliau hanya mempunyai seorang pekerja, dan kini telah mempunyai 2 orang pekerja. Beliau telah mempunyai 3 produk utama berbanding hanya 1 sebelum ini dan pasaran beliau adalah di seluruh kedai sejuk beku di Negeri Kelantan.*

## Kisah Kejayaan

*Beliau telah menambah produk daripada hanya kambing perap kepada daging rusa perap dan daging arnab perap. Beliau telah mempunyai premis sendiri dan mempunyai pasaran yang luas di seluruh Kelantan.*

## Wawasan/Harapan

*Beliau berharap dapat menambahkan lagi produk untuk makanan ringan seperti daging burger dan nugget. Beliau juga berharap dapat meluaskan lagi pasaran ke seluruh Malaysia.*

*Umur*
**27 Tahun**

*Nama Syarikat*
-

*No. Daftar Syarikat*
-

*Emel/Media Sosial*
**norhaswany140894@gmail.com**

*Alamat Projek*
**Salor, Kelantan**

*Jenis Projek*
**Pemprosesan Kambing Perap**

*Tahun Menerima Geran*
**2020**

*Nilai Geran*
**RM 15,000.00**

*Pendapatan Kasar Projek (RM) / Tahunan*
**RM140,000.00**

*Persijilan*
-

*Pasaran Tempatan*
**Tempatan**





# Sejarah

*Beliau mula menjalankan projek pada tahun 2018 di dapur rumah sahaja. Pada tahun 2019 beliau telah mempunyai premis sendiri pada peringkat awal, beliau hanya mempunyai 3 orang pekerja dan kini telah bertambah sehingga 7 orang pekerja. Peringkat permulaan beliau hanya mempunyai 4 produk, dan kini mempunyai 130 produk serta 2 cawangan. Pasaran beliau pada awalnya hanya di kedai-kedai runcit.*

# Kisah Kejayaan

*Beliau telah mempunyai dua cawangan dan telah mempunyai pasaran di kelantan dan terengganu*

# Wawasan/Harapan

*Beliau berharap permohonan untuk mendapatkan sijil Halal dan MESTI yang dipohon dapat diluluskan dan beliau berharap dapat menambahkan lagi cawangan serta pasaran di seluruh Malaysia.*



## NUR SYAHIRAH
Binti Saripudin
**Sektor :** Industri Asas Tani
Agensi Pembimbing : KADA

*Umur*
**21 Tahun**

*Nama Syarikat*
**-**

*No. Daftar Syarikat*
**-**

*Emel/Media Sosial*
**lezashpelangi21@gmail.com**

*Alamat Projek*
**Tumpat, Kelantan**

*Jenis Projek*
**Pemprosesan Kek dan Pastri**

*Tahun Menerima Geran*
**2019**

*Nilai Geran*
**RM 15,000.00**

*Pendapatan Kasar Projek (RM) / Tahunan*
**RM60,000.00**

*Persijilan*
**-**

*Pasaran Tempatan*
**Tempatan**



---



# Sejarah

*Perasaan ingin mencuba dan mempelajari cara dan proses membuat keropok lekor yang berprotein tinggi dan mempunyai rasa yang enak untuk dijadikan makanan tambahan untuk seisi keluarga.*

# Kisah Kejayaan

*Pada tahun 2018, pelanggan beliau semakin bertambah dan menjadi sebutan di kalangan penduduk setempat. Beliau juga banyak ditawarkan oleh pelajar dari IPTA dan IPTS untuk ditemuramah, menjalankan kertas projek dan mempromosikan produk. Hasil daripada usaha itu, kini keropok beliau mempunyai peminat tersendiri dari seluruh negara dan Brunei.*

# Wawasan/Harapan

*Beliau terus belajar dan menadah ilmu perniagaan mengikut Al Quran bagi menguatkan diri beliau dan memudahkan beliau dalam dunia perniagaan yang sangat mencabar. Beliau sedar, ilmu sangat penting dalam perniagaan sebagai tunjuk arah dan panduan sebagai peniaga. Beliau banyak menyertai kursus, kelas dan seminar berkaitan perniagaan untuk mengumpul sebanyak mungkin ilmu di saat kesibukan beliau sebagai usahawanita. Wang dan masa beliau korbankan untuk ilmu yang sangat bernilai.*



## MARIANA
Binti Abdul Rahman
**Sektor :** Industri Asas Tani
Agensi Pembimbing : LKIM

*Umur*
**36 Tahun**

*Nama Syarikat*
**-**

*No. Daftar Syarikat*
**-**

*Emel/Media Sosial*
**eyanna@gmail.com**

*Alamat Projek*
**Rembau, Negeri Sembilan**

*Jenis Projek*
**Pemprosesan Keropok Lekor**

*Tahun Menerima Geran*
**2017**

*Nilai Geran*
**RM 15,000.00**

*Pendapatan Kasar Projek (RM) / Tahunan*
**RM240,000.00**

*Persijilan*
**-**

*Pasaran Tempatan*
**Tempatan**







## KASMARINA
Binti Ismail
**Sektor :** Industri Asas Tani
Agensi Pembimbing : LKIM

Umur
**33 Tahun**

Nama Syarikat
**-**

No. Daftar Syarikat
**-**

Emel/Media Sosial
**kasma.rinaismail@gmail.com**

Alamat Projek
**Pasir Puteh, Kelantan**

Jenis Projek
**Pemprosesan Sate Ikan / Lokcing**

Tahun Menerima Geran
**2019**

Nilai Geran
**RM 15,000.00**

Pendapatan Kasar Projek (RM) / Tahunan
**RM64,000.00**

Persijilan
**-**

Pasaran Tempatan
**Tempatan**



# Sejarah

*Pada awal tahun 2014, beliau mula menceburi bidang ini sekadar untuk mengisi masa lapang di samping untuk membantu meningkatkan lagi pendapatan keluarga. Di peringkat awal, beliau tidak memproses sendiri tetapi mendapatkan bekalan produk sate ikan daripada pembekal di sekitar Kelantan seperti Pasir Putih dan daerah Besut. Produk tersebut dipasarkan di pasar tani dan juga pasar malam. Permintaan semakin meningkat, Pada tahun 2016 dengan sedikit modal sendiri, beliau mendirikan bengkel yang mula beroperasi sepenuhnya pada tahun 2017 apabila beliau berjaya membeli mesin dan peralatan secara berperingkat.*

# Kisah Kejayaan

*Dari masa ke semasa, permintaan terhadap sata ikan semakin meningkat. Pada 2016, beliau mengambil keputusan untuk memulakan dan memproses sendiri . Berbekalkan modal hasil dairpada simpanan, beliau telah mendirikan sebuah bengkel kecil dan membeli peralatan asas untuk menghasilkan sata ikan. Pada tahun 2017 bengkel telah beroperasi sepenuhnya dan peralatan yang dibeli secara berperingkat juga telah mencukupi. Setelah bengkel beroperasi sepenuhnya, permintaan semakin meningkat dan di luar jangkaan di mana terdapat permintaan daripada seluruh semenanjung Malaysia. Bagi memenuhi permintaan ini, beliau mengambil inisiatif dengan melantik mereka yang berminat menjadi agen.*

# Wawasan/Harapan

*Peserta berharap dengan bantuan peralatan yang diberikan, pengeluaran produk dapat ditingkatkan lagi dan akan dapat memenuhi permintaan yang semakin meningkat. Peserta juga dalam proses untuk mendapatkan pensjillan seperti HALAL dan MESTI bagi mmbolehkan produk mereka menembusi dan bertapak lebih kukuh di pasaran.*





## RUSAIMAH
Binti Sani
**Sektor :** Industri Asas Tani
Agensi Pembimbing : LKIM

Umur
**46 Tahun**

Nama Syarikat
**Permata Bumi Enterprise**

No. Daftar Syarikat
**-**

Emel/Media Sosial
**official.permatamyd@gmail.com**

**www.permatamyd.biz.my**

Alamat Projek
**Miri, Sarawak.**

Jenis Projek
**Pemprosesan Produk Hasil Laut**

Tahun Menerima Geran
**2015**

Nilai Geran
**RM 15,000.00**

Pendapatan Kasar Projek (RM) / Tahunan
**RM240,000.00**

Persijilan
**MESTI dan Halal**

Pasaran Tempatan
**Seluruh Malaysia**



# Sejarah

*Perniagaan ini bermula secara kecil-kecilan oleh ibunya bagi menambah pendapatan keluarga dengan menghasilkan ikan masin, belacan, sata ikan dan popia udang. Selepas beliau menamatkan pengajian dan memperoleh Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM), beliau mula aktif dalam Persatuan Kumpulan Wanita Nelayan (KUNITA) di bawah Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Miri. Beliau mula melibatkan diri dalam kegiatan ekonomi termasuk pemprosesan hasil laut untuk menjana pendapatan nelayan ketika itu.*

# Kisah Kejayaan

*Pada tahun 2008, beliau telah dipilih untuk menyertai lawatan kerja Usahawan LKIM di Thailand untuk melihat bagaimana pemprosesan hasil laut dijalankan di luar negara. Dari situ, beliau mula mengasakan syarikat sendiri untuk menjalankan perniagaan pemprosesan hasil laut yang berpotensi untuk dipasarkan di seluruh negara dan luar negara*

# Wawasan/Harapan

*Beliau berharap agar dapat mengeluarkan produk hasil laut yang dijamin dan dikenali di seluruh negara dan luar negara . Beliau juga berharap agar dapat menjadi antara pengeluar terbesar produk hasil laut yang halal di Malaysia. Beliau ingin melihat industri perikanan negara semakin maju termasuk dalam mengeluarkan produk-produk daripada hasil laut negara.*



# Sejarah

*Projek perniagaan pemasaran ketam nipah dan siput sedut ini telah beliau mulakan pada awal tahun 2015 secara kecil kecilan dengan modal sebanyak RM 1,200.00 sebagai pekerjaan sampingan dan beroperasi di bawah rumah sahaja. Memandangkan sambutan yang menggalakan daripada pengguna, maka beliau telah membuat pinjaman daripada Agro Bank sebanyak RM10,000.00 bagi membina bengkel dan mendaftarkan perniagaan ini dengan pihak SSM. dengan nama syarikat sebagai NOTYBOYZ EIGHTYSIX ENTERPRISE*

# Kisah Kejayaan

*Sebagai seorang anak muda kampung boleh dianggap telah berjaya dalam mengorak langkah menceburi bidang perikanan sekaligus menambahkan pendapatan sendiri dan juga pembekal-pembekal dengan memastikan rantaian hasilan laut dapat diteruskan. Beliau berjaya membawa produk ini ke seluruh pasar dan peniaga setempat dan dapat mewujudkan satu kerjasama antara pembekal kepada pembeli.*

# Wawasan/Harapan

*Beliau berharap agar pasaran ketam nipah dan siput sedut ini dapat dipelbagai melibatkan hasil laut seperti kerang, siput, ikan dan sebagainya.*



## MOHD KAMAL
Bin Ismail
**Sektor :** Industri Asas Tani
Agensi Pembimbing : **LKIM**

*Umur*
**34 Tahun**

*Nama Syarikat*
**Notyboyz Eightysix Enterprise**

*No. Daftar Syarikat*
**-**

*Emel/Media Sosial*
**FB : NotyBoyz-86 Enterprise**

*Alamat Projek*
**Terong, Perak**

*Jenis Projek*
**Pemasaran Ketam Nipah Dan Siput Sedut**

*Tahun Menerima Geran*
**2019**

*Nilai Geran*
**RM10,000.00**

*Pendapatan Kasar Projek (RM) / Tahunan*
**RM540,000.00**

*Persijilan*

*Pasaran Tempatan*
**Tempatan**





# Sejarah

*Peniagaan keropok lekor ini elah berusia lebih dari 10 tahun dan beliau meneruskan perniagaan yang dimulakan arwah ayah pada tahun 2009. Keropok lekor tradisi asli dengan menggunakan ikan tamban segar merupakan resipi 100% original Terengganu. Beliau meneruskan kaedah merebus menggunakan kayu yang akan memberikan aroma dan tekstur lain dari keropok lekor yang lain. Bermula dari premis kecil kini beliau telah menaiktaraf premis dan mempelbagaikan produk untuk pasaran tempatan.*

# Kisah Kejayaan

*Menambah ejen jualan dan menjadi satu tempat tarikan konvoi dan pelancong luar untuk melihat teknik merebus keropok menggunakan kayu api.*

# Wawasan/Harapan

*Berharap dapat menjadikan keropok lekor dan produk lain sebagai tumpuan utama pelancong dalam dan luar negara ke Pahang serta menjadi menu sampingan di mana-mana hotel dan restoran sekitar Pahang*



## MOHD KHAIRUL EHSAN
Bin Zulkifli
**Sektor :** Industri Asas Tani
Agensi Pembimbing : **LKIM**

*Umur*
**34 Tahun**

*Nama Syarikat*
**-**

*No. Daftar Syarikat*
**-**

*Emel/Media Sosial*
-

*Alamat Projek*
**Kuantan,Pahang**

*Jenis Projek*
**Pemprosesan Hasil Laut**

*Tahun Menerima Geran*
**2015**

*Nilai Geran*
**RM15,000.00**

*Pendapatan Kasar Projek (RM) / Tahunan*
**RM500,000.00**

*Persijilan*
**-**

*Pasaran Tempatan*
**Seluruh Malaysia**





## DIDI ISWANDI
Bin Abdol Rasit
**Sektor :** Industri Asas Tani
Agensi
Pembimbing : LKIM



# Sejarah

*Bermula dari rumah secara kecil-kecilan dengan bermodalkan RM100.00. Kemudian mencuba nasib dengan menyertai beberapa pertandingan inovasi pada tahun 2017. Pada 2018 kami mengorak langkah dengan menyewa Inkubator LKIM RM350 sebulan selama setahun dan mendapat bimbingan daripada pegawai LKIM Sarawak dalam memajukan perniagaan kami.*

# Kisah Kejayaan

*Top 3- Pertandingan Inovasi MAGRIS, Yayasan Inovasi Malaysia 2017*
*Glod Medal- Pertandingan Inovasi iCOMPLEX' 2017*
*2 syarikat tempatan telah OEM produk sambal lumek sebagai produk keluaran mereka.*
*Mewakili Sarawak ke expo antarabangsa antaranya*
*- MAHA 2018*
*- Borneo International Halal Showcase 2019 – Brunei*
*- Borneo International Halal Showcase 2018 - Indonesia*

# Wawasan/Harapan

*Beliau berhasrat untuk menjadi pemangkin kepada usahawan lain untuk memulakan perniagaan mereka ke peringkat lebih tinggi.*

*Umur*
**40 Tahun**

*Nama Syarikat*
**Qalha Enterprise**

*No. Daftar Syarikat*
**-**

*Emel/Media Sosial*
**qalha_enterprise @yahoo.com.my**

*Alamat Projek*
**Kuching, Sarawak.**

*Jenis Projek*
**Pemprosesan Sambal Lumek Salai**

*Tahun Menerima Geran*
**2019**

*Nilai Geran*
**RM 15,000.00**

*Pendapatan Kasar Projek (RM) / Tahunan*
**RM 44,000.00**

*Persijilan*
**HALAL, MESTI**

*Pasaran Tempatan*
**Seluruh Malaysia**





## NORASMIDA
Binti Sulaiman
**Sektor :** Industri Asas Tani
Agensi
Pembimbing : LKIM



# Sejarah

*Perniagaan memproses belacan dan ikan kering ini asalnya diusahakan oleh En.Sulaiman bin Hassan iaitu bapa beliau. Memandangkan kekangan usia dan masalah kesihatan bapa beliau tidak lagi aktif menjalankan perusahaan ini dan semua kerja-kerja pengurusan, penghasilan produk dan pemasaran telah diambil alih oleh beliau dan dibantu oleh dua orang pekerja harian.*

# Kisah Kejayaan

*Kejayaan buat ketika ini adalah dapat menyambung legasi perniagaan ayah beliau yang telah beroperasi sekian lama dan dikenali masyarakat setempat. Dengan bantuan yang diterima dapatlah menyuntik semangat dalam mempelbagaikan perusahaan dan telah mendapat permintaan tinggi dari peniaga kecil setempat. Ia akan menjadi titik tolak ke atas kecemerlangan perniagaan beliau pada masa hadapan.*

# Wawasan/Harapan

*Produk belacan beliau lebih dikenali sebagai "Leman Belacan" merupakan produk turun temurun dan beliau sebagai pewaris legasi perniagaan akan menambahbaik dari segi kualiti tanpa menjejaskan standard klasik tradisi "Leman Belacan" yang telah dikenali namun dengan menggunakan teknologi terkini. Beliau bercita-cita untuk memperkenalkan lagi produk ikan masin dan belacan ini dalam pelbagai produk seperti produk perasa dan sos yang dapat meningkatkan lagi pengeluaran perniagaan. Beliau juga berharap produk ini menjadi "signature" kepada kampung protan dan menjadi antara produk utama Negeri Perak satu masa nanti.*

*Umur*
**27 Tahun**

*Nama Syarikat*
**-**

*No. Daftar Syarikat*
**-**

*Emel/ Media Sosial*
**-**

*Alamat Projek*
**Semanggol, Perak**

*Jenis Projek*
**Pomprosesan Ikan Masin dan Belacan**

*Tahun Menerima Geran*
**2017**

*Nilai Geran*
**RM15,000.00**

*Pendapatan Kasar Projek (RM) / Tahunan*
**RM48,000.00**

*Persijilan*
**-**

*Pasaran Tempatan*
**Tempatan**







## FIFI NORBAIZURA
Binti Mohd Salim
**Sektor :** Industri Asas Tani
Agensi
Pembimbing : **LPNM**

*Umur*
**31 tahun**

*Nama Syarikat*
**Qaf Foods**

*No. Daftar Syarikat*
**-**

*Emel/Media Sosial*
**qaffoods@gmail.com**
**FB : qaffood**

*Alamat Projek*
**Seri Kembangan, Selangor.**

*Jenis Projek*
**Pemprosesan Produk berasaskan Nanas**

*Tahun Menerima Geran*
**2019**

*Nilai Geran*
**RM 15,000.00**

*Pendapatan Kasar Projek (RM) / Tahunan*
**RM 230,000.00**

*Persijilan*
**HALAL**

*Pasaran Tempatan*
**Seluruh Malaysia**



# Sejarah

*Beliau mengorak langkah dengan yakin mengambil premis untuk mengeluarkan produk yang lebih sistematik dan menepati piawaian Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), pensijilan halal JAKIM serta menghasilkan produk yang mesra pengguna. Menyertai kursus-kursus berkaitan teknologi pemakanan, pengiraan kos , serta pengurusan kewangan bagi memantapkan dasar syarikat untuk lebih stabil di pasaran lebih besar. Semestinya dengan bimbingan jabatan/agensi terutama di bawah Kementerian Pertanian dan Industri makanan (MAFI) yang banyak memberi tunjuk ajar serta peluang dan ruang untuk syarikat mempromosikan produk-produk di pasaran.*

# Kisah Kejayaan

*Setelah melakukan beberapa penyelidikan & pembangunan berasaskan buah nanas MD2, beliau berjaya menghasilkan produk-produk yang berdaya saing seperti Ais Krim Nanas MD2 (PinaCo), Jus Nanas MD2 dan juga 1 produk kerjasama bersama LPNM bagi membangunkan produk jus berasaskan nanas MD2 dan kelapa muda yang dijenamakan sebagai "Pinacolama" dan dilancarkan sewaktu program MAHA 2018. Produk ini juga diletakkan sebagai antara produk Sumber Kekayaan Baru di bawah MAFI.*

# Wawasan/Harapan

*Beliau mahu membuat pelaburan jangka masa panjang bagi menambahbaik produk sedia ada serta terus melakukan penyelidikan & pembangunan berterusan bagi meneguhkan lagi dasar syarikat yang inginkan kelangsungan di pasaran. Wawasan beliau yang ingin mengembangkan produk-produk berkaitan buah nanas MD2 ini, berharap dibuka peluang & ruang bagi beliau untuk memecah pasaran yang lebih global.*

---





## SITI AMINAH
Binti Othman
**Sektor :** Industri Asas Tani
Agensi
Pembimbing : **LPNM**

*Umur*
**33 Tahun**

*Nama Syarikat*
**Amiey Cekal Enterprise**

*No. Daftar Syarikat*
**AS0374756-A**

*Emel/Media Sosial*
**amieyaminah199@gmail.com**

*Alamat Projek*
**Gemencheh, Negeri Sembilan**

*Jenis Projek*
**Pemprosesan Tart Nanas**

*Tahun Menerima Geran*
**2020**

*Nilai Geran*
**RM 20,000.00**

*Pendapatan Kasar Projek (RM) / Tahunan*
**RM96,000.00**

*Persijilan*
**-**

*Pasaran Tempatan*
**Tempatan**



# Sejarah

*Beliau bermula dengan minat dalam bidang makanan pada tahun 2018. Pada waktu itu, beliau melihat Tart Nanas boleh berkembang dengan lebih jauh. Beliau telah dibimbing oleh LPNM sejak tahun 2018 apabila mula memproses tart nanas di rumah sahaja.*

# Kisah Kejayaan

*Beliau mula membuat jualan langsung dan atas talian melalui Facebook dan WhatsApp. Beliau juga menggunakan sistem ejen yang terdiri daripada suri rumah dan wanita bekerja. Bermula tahun 2020, beliau mula meluaskan pasaran ke Sarawak.*

# Wawasan/Harapan

*Beliau mempunyai harapan yang tinggi untuk mengeksport tart nanas ini ke luar negara. Beliau juga ingin mengaplikasiakn teknologi makanan dan pemasaran menjelang tahun 2024.*




## Sejarah

*Beliau bermula secara kecil-kecilan di rumah sekadar untuk mencuba dan ingin menggunakan peralatan sedia ada di rumah. Pada mulanya, pelanggan hanyalah terdiri daripada rakan-rakan dan keluarga sahaja. Apabila permintaan mula meningkat, beliau mula menggunakan platform media sosial dan sistem ejen untuk memasarkan produk kopi berasaskan nanas beliau.*

## Kisah Kejayaan

*Pada tahun 2017, beliau mula mendapat bimbingan dari lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) melalui bantuan Geran Agropreneur Muda. Beliau juga telah dijemput oleh LPNM dalam rancangan khas di Malaysia Hari Ini (MHI) TV3 untuk mempromosikan Kopi Nanas Ngencess. Ketika Fiesta 60 tahun LPNM di Pontian, EXCO Pelancongan Negeri Johor telah merasmikan produk kopi Nanas Ngencess. Kini, beliau merupakan Presiden Persatuan Usahawan Trak Makanan Desa Tebrau yang mempunyai 25 buah foodtruck dan 40 orang ahli.*

## Wawasan/Harapan

*Beliau berharap dapat memiliki coffee house yang mewah tetapi menyediakan kopi dengan harga yang berpatutan. Beliau juga berharap dapat meningkatkan ekonomi dengan nilai tambah kepada usahawan dan pelanggan.*



## MOHD REDZUAN SHAH
Bin Ahmad

**Sektor :** Industri Asas Tani
Agensi Pembimbing : **LPNM**

*Umur*
**37 Tahun**

*Nama Syarikat*
**Coffee Ngencess**

*No. Daftar Syarikat*
**-**

*Emel/Media Sosial*
**coffeengencess@gmail.com**

*Alamat Projek*
**Pasir Gudang, Johor**

*Jenis Projek*
**Pemprosesan Kopi Nanas**

*Tahun Menerima Geran*
**2019**

*Nilai Geran*
**RM 10,000.00**

*Pendapatan Kasar Projek (RM) / Tahunan*
**RM300,000.00**

*Persijilan*
**-**

*Pasaran Tempatan*
**Tempatan**





## Sejarah

*Beliau mewarisi perniagaan ini daripada ibunya. Namun, beliau telah mengembangkan cara pemprosesan dan pemasaran serunding ini dengan lebih sistematik.*

## Kisah Kejayaan

*Beliau mempunyai kebolehan dalam meniaga kerana turut mengembangkan perniagaannya kepada restoran dan turut memiliki kedai telefon. Beliau juga mempunyai kontrak pelanggan tetap di seluruh Malaysia.*

## Wawasan/Harapan

*Beliau berharap dapat membesarkan lagi pengeluaran serunding untuk memenuhi permintaan seluruh negara.*



## MUHAMAD TAMIZI
Bin Salleh

**Sektor :** Industri Asas Tani
Agensi Pembimbing : **LPP**

*Umur*
**35 Tahun**

*Nama Syarikat*
**-**

*No. Daftar Syarikat*
**-**

*Emel/Media Sosial*
**miziebakti2@gmail.com**

*Alamat Projek*
**Tumpat, Kelantan**

*Jenis Projek*
**Pemprosesan Serunding**

*Tahun Menerima Geran*
**2018**

*Nilai Geran*
**RM 15,000.00**

*Pendapatan Kasar Projek (RM) / Tahunan*
**RM180,000.00**

*Persijilan*
**-**

*Pasaran Tempatan*
**Seluruh Malaysia**







# MOHD AMIN SYAFIQ
Bin Shamsuri
**Sektor :** Industri Asas Tani
Agensi Pembimbing : **LPP**

## Sejarah

*Beliau bermula secara kecil-kecilan tahun 2014 dengan bermodalkan RM200 iaitu penghasilan rojak jualan dari rumah ke rumah. Perniagaan ini berkembang maju dengan rancaknya pada tahun 2017 iaitu pembelian mesin mengadun kuah rojak yang mana dapat menjimatkan masa kepada 2 jam berbanding manual. Pekerja beliau juga bertambah dari seorang kepada 3 orang. Botol kuah rojak juga dipertingkatkan dengan menggunakan mesin penutup sealer untuk mengelakkan dari pencemaran udara.*

## Kisah Kejayaan

*Beliau telah mendapat pengiktirafan dari :*
*-Sijil HALAL dari Jabatan kemajuan Islam Malaysia.*
*-Sijil MESTI dari Jabatan Kesihatan Malaysia.*

*Produk kuah rojak Mirazza semakin dikenali ramai disebabkan kepekatan kuah serta keenakan yang berlainan dari produk kuah rojak yang ada di pasaran. Pasaran kuah rojak Mirazza berkembang maju dengan ditempah oleh majlis perkahwinan sebagai cenderhati serta sebagai makanan sampingan.*

## Wawasan/Harapan

*Beliau berharap dapat meluaskan perniagaan ke seluruh semenanjung Malaysia serta membuka kiosk di pasaraya besar atau Hypermart. Meningkatkan jualan bulanan kepada 1000 balang sebulan. Beliau juga ingin membeli mesin berkapasiti tinggi untuk menampung penggunaan bahan mentah yang semakin tinggi.*

*Umur*
**28 Tahun**

*Nama Syarikat*
**Mirazza Murni Enterprise**

*No. Daftar Syarikat*
**AS0363160-A**

*Emel/ Media Sosial*
**aminsyafiq@gmail.com**

*Alamat Projek*
**Jitra, Kedah**

*Jenis Projek*
**Pemprosesan Kuah Rojak**

*Tahun Menerima Geran*
**2019**

*Nilai Geran*
**RM15,000.00**

*Pendapatan Kasar Projek (RM) / Tahunan*
**RM60,000.00**

*Persijilan*
**-**

*Pasaran Tempatan*
**Tempatan**









# NORAZIRAWATI
Bin Mat Noor
**Sektor :** Industri Asas Tani
Agensi Pembimbing : **LPP**

## Sejarah

*Memulakan projek pada tahun 2012 dengan mewarisi resepi putu piring daripada ibunya. Dengan bermodalkan RM300.00, beliau mula bergerak menjual menggunakan kanopi 10X10 di tapak parking kereta sekita Selayang dan Gombak. Pada tahun 2018, beliau telah memperolehi GAM sejumlah RM20,000.00 dengan membeli sebuah Mobile Food Kiosk. Bermula dari situ perjalanan pasaran semakin mula meluas dan mengembangkan produk dengan pelbagai perisa. Antara perisa yang ada ialah perisa keju, coklat dan pelbagai lagi.*

## Kisah Kejayaan

*Produk beliau kini lebih dikenali dengan jenama Putu Piring Hijrah. Kemudian, beliau maju selangkah dengan menggunakan tenaga solar untuk mengemudi Mobile Food Kiosk mereka sebagai menjimatkan lagi kos operasi. Daripada sebuah kanopi, kini beliau berkembang dengan Mobile Food Kiosk dan mempunyai 2 orang pekerja tetap. Bagaimanapun selepas memiliki Mobile Food Kiosk ini beliau beralih ke tapak niaga lain yang lebih ramai pelanggan sehingga jumlah jualan naik mendadak. Dari situ juga beliau menambah pelbagai perisa lagi dan telah meningkatkan lagi jualan mereka.*

## Wawasan/Harapan

*Harapan beliau di masa depan ialah untuk Tmenambah lagi beberapa buah Mobile Food Kiosk ini dan mengembangkan lagi perniagaan ini di seluruh negeri Selangor. Mereka juga merancang untuk mempunyai kedai sendiri dan mewujudkan beberapa kiosk lagi di beberapa kawasan sekitar Negeri Selangor melalui jenama Putu Piring Hijrah.*

*Umur*
**43 Tahun**

*Nama Syarikat*
**Putu Piring Hijrah**

*No. Daftar Syarikat*
**-**

*Emel/Media Sosial*
**eira.azira78@gmail.com**
**FB : Putu Piring Hijrah**

*Alamat Projek*
**Selayang, Selangor**

*Jenis Projek*
**Mobile Food Kiosk**

*Tahun Menerima Geran*
**2017**

*Nilai Geran*
**RM 20,000.00**

*Pendapatan Kasar Projek (RM) / Tahunan*
**RM60,000.00**

*Persijilan*
**-**

*Pasaran Tempatan*
**Tempatan**





## Sejarah

*Beliau telah memulakan pengeluaran bakeri pada bulan September 2006. Beliau yang berkelulusan diploma merasakan bahawa projek ini berpotensi untuk dimajukan kerana permintaan terhadap bakeri sangat tinggi. Projek ini membekalkan bakeri seperti kek, roti dan bun bagi pasaran sekitar Ranau dan Kundasang. Beliau juga membekalkan roti dan bun ke asrama sekolah sekitar Ranau.*

## Kisah Kejayaan

*Modal permulaan adalah sebanyak RM3,000 bagi pembelian peralatan pemprosesan mee kuning. Telah mendapat bantuan awal daripada Jabatan dan Agensi bagi pembinaan bangunan dan tambahan peralatan. Syarikat beliau juga mengadakan kolaborasi dengan Kolej Komuniti Lahad Datu dalam pengembangan lagi keluaran syarikat. Selain daripada itu, beliau turut menawarkan kursus / latihan kepada usahawan yang baru hendak memulakan perniagaan bakeri. Harapan dan impian beliau berharap agar produk keluaran NAWAITU BAKERY mendapat sambutan dari semua lapisan masyarakat dan berkembang di serata tempat.*

## Wawasan/Harapan

*Beliau berharap agar pengeluaran bakeri ini terus berkembang dan menjadi contoh kepada usahawan yang lain terutama golongan muda. Harapan beliau juga agar usahawan bumiputera diberi lebih peluang dalam memasarkan produk mereka. Beliau mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Jabatan dan Agensi yang terlibat membantu kejayaan beliau.*



### ROSMIDAH
Binti Hanafiah
**Sektor :** Industri Asas Tani
Agensi
Pembimbing : **LPP**

*Umur*
**40 Tahun**

*Nama Syarikat*
**Nawaitu Bakery**

*No. Daftar Syarikat*
**-**

*Emel/Media Sosial*
**rosemidah82@gmail.com**
**FB : Nawaitu Bakery Ranau**

*Alamat Projek*
**Ranau, Sabah**

*Jenis Projek*
**Pemprosesan Bakeri**

*Tahun Menerima Geran*
**2019**

*Nilai Geran*
**RM 15,000.00**

*Pendapatan Kasar Projek (RM) / Tahunan*
**RM67,200.00**

*Persijilan*

*Pasaran Tempatan*
**Tempatan**





## Sejarah

*Beliau bermula dengan ternakan secara kecil-kecilan sebagai hobi. Pada tahun 2009. Kemudian, projek ini dikembangkan kepada projek ternakan kambing pedaging. Ianya diteruskan lagi dengan penternakan biri-biri pada tahun 2012. Melihat kepada pasaran tenusu yang memberangsangkan, beliau mula menternak kambing dari baka Saanen pada tahun 2015 sebanyak 20 ekor. Projek ini semakin berkembang sehingga pada tahun 2020, pengeluaran mencecah 1,000 liter sebulan yang diproses di kilang beliau sendiri. Beliau kini mempunyai 7 orang pekerja dan memasarkan produknya di Johor, Melaka, Negeri Sembilan dan Lembah Klang.*

## Kisah Kejayaan

*Pada tahun 2019, beliau telah menerima Geran Agropreneur Muda melalui bimbingan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan PPK Benut. Pada masa kini, Beliau mempunyai 122 ekor kambing dengan pengeluaran 20 hingga 50 liter susu sihat. Produk yang dihasilkan adalah susu kambing segar, berperisa dan yogurt.*

## Wawasan/Harapan

*Beliau berharap dapat memperolehi pensijilan MESTI dan HALAL untuk memperkembangkan lagi perniagaannya.*



### MOHD SALEHUDDIN
Bin Mohd Rashid
**Sektor :** Industri Asas Tani
Agensi
Pembimbing : **LPP**

*Umur*
**29 Tahun**

*Nama Syarikat*
**Salleh Dairy Farm**

*No. Daftar Syarikat*
**JM0743582-P**

*E-Mel/Media Sosial*
**FB: salleh dairy farm**
**sallehdairyfarm@gmail.com**

*Alamat Projek*
**Benut, Johor**

*Jenis Projek*
**Pemprosesan Susu Kambing**

*Tahun Menerima Geran*
**2019**

*Nilai Geran*
**RM 20,000.00**

*Pendapatan Kasar Projek (RM) / Tahunan*
**RM 80,000.00**

*Persijilan*
**-**

*Pasaran Tempatan*
**Tempatan**





## Sejarah

Beliau dilahirkan pada 07 Julai 1980 dan berasal dari Kg. Simpang Empat, Sandakan Sabah. Beliau telah memulakan Projek Pemprosesan Mee Kuning bermula pada tahun 2009. Beliau yang berkelulusan STPM memaklumkan bahawa projek ini berpotensi untuk dimajukan kerana permintaan terhadap mee kering kuning sangat tinggi. Projek ini membekalkan mee kering kuning bagi pasaran sekitar Tawau, Kunak dan Semporna dan juga membekal mee kuning bagi kenduri, hari perayaan dan sebagai cenderahati.

## Kisah Kejayaan

Modal permulaan adalah RM 68,000.00 bagi pembinaan premis dan pembelian peralatan pemprosesan mee kuning. Sering mengikuti program-program di anjurkan oleh pelbagai agensi dan jabatan lain seperti kursus dan pameran-pameran yang dianjurkan oleh LPP/PPK. Memasarkan produk dengan cara promosi bergerakan selain hebahan melalui internet dan unit ahli. Bergiat secara aktif dalam Unit Peladang Pekan, Kunak. Mula menjadi ahli pada 2 November 2009 dengan nilai Saham berjumlah RM2625.00. Harapan dan impian beliau berharap agar produk keluaran PERUSAHAAN MAS mendapat sambutan dari semua lapisan masyarakat dan berkembang diserata tempat.

## Wawasan/Harapan

Beliau berharap agar pengeluaran mee kering kuning ini terus berkembang dan menjadi contoh kepada usahawan yang lain terutama golongan muda. Harapan beliau juga agar usahawan golongan bumiputera diberi lebih peluang dalam memasarkan produk-produk. Beliau mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Jabatan dan Agensi yang terlibat membantu kejayaan beliau.



## FIRMAN
Bin Sinring

**Sektor :** Industri Asas Tani
Agensi Pembimbing : **LPP**

*Umur*
**40 Tahun**

*Nama Syarikat*
**Perusahaan Mas**
-

*No. Daftar Syarikat*
-

*E-Mel/Media Sosial*

*Alamat Projek*
**Tawau, Sabah**

*Jenis Projek*
**Pemprosesan Mee Kuning**

*Tahun Menerima Geran*
**2016**
-

*Nilai Geran*
**RM 15,000.00**

*Pendapatan Kasar Projek (RM) / Tahunan*
**RM216,000.00**

*Persijilan*

*Pasaran Tempatan*
**Tempatan**





## Sejarah

Beliau mula melibatkan diri secara kecil-kecilan dan separuh masa di rumah sahaja. Beliau menjual kepada rakan-rakan dan secara online. Namun, permintaan semakin meningkat menyebabkan beliau berniaga secara sepenuh masa.

## Kisah Kejayaan

Mulai Tahun 2019 permintaan patin pais dan patin tempoyak frozen sangat tinggi dan agen jualan sudah mula ramai dan mula dikenali setelah masuk pameran NS Fest dan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Peringkat Kebangsaan (HPPNK)

## Wawasan/Harapan

Beliau berharap produk patin pais dan tempoyak frozen disukai ramai penggemar patin. Beliau berharap pasarannya akan berkembang hingga Brunei dan Singapura.



## AZMANADILLA SUHANA
Binti Lokman

**Sektor :** Industri Asas Tani
Agensi Pembimbing : **LPP**

*Umur*
**31 Tahun**

*Nama Syarikat*
**Patin Paskal Enterprise**

*No. Daftar Syarikat*
-

*E-Mel/Sosial Media*
**FB: Patin Paskal**

*Alamat Projek*
**Seremban, Negeri Sembilan**

*Jenis Projek*
**Pemprosesan Patin Pais Frozen & Patin Tempoyak Frozen**

*Tahun Menerima Geran*
**2019**

*Nilai Geran*
**RM 15,000.00**

*Pendapatan Kasar Projek (RM) / Tahunan*
**RM804,000.00**

*Persijilan*
-

*Pasaran Tempatan*
**Tempatan**





## Sejarah

*Beliau berpengalaman dalam bidang makanan, pengurusan hotel dan kulinari lebih kurang dari 15 tahun. Beliau mempunyai pengalaman dalam bidang tersebut telah mengalami kemalangan yang agak kritikal sehingga mendapat kecacatan kekal dan pergerakkan untuk membuat kerja agak terbatas. Oleh yang demikian, beliau terpaksa berhenti bekerja sebagai chef di sebuah hotel di Langkawi bagi mendapat rawatan susulan bermula pada tahun 2008 sehingga beliau mendapat kad OKU dan untuk meneruskan kehidupan, beliau mencari altenatif lain dengan menjual produk pastri, bakeri, roti dan makanan dengan cara menjual dari rumah dan menjual di kantin sekolah.*

## Kisah Kejayaan

*Pada 2010, permintaan daripada pelanggan sangat menggalakkan. Beliau mengumpul duit sedikit demi sedikit untuk membeli peralatan membuat kek kerana peralatan pada masa itu tidak mampu menampung untuk mengeluarkan produk dengan kuantiti yang banyak. Pekerja juga tidak mencukupi, hanya mendapat bantuan daripada adik-adik dan ibubapa. Pada tahun 2014, dengan izin Allah beliau dapat membina sebuah bengkel dengan berkat kesabaran dan keikhlasan membuat kerja melibatkan keseluruhan kos projek menghampiri RM100,000. Setiap tahun juga beliau berpeluang menghasilkan kek DiRaja dan menghasilkan 'dessert' untuk santapan DiRaja dan VVIP serta agensi-agensi kerajaan seperti UNIMAP, UUM, POLITEKNIK, MARA dan lain-lain.*

## Wawasan/Harapan

*Beliau berazam untuk mendapatkan geran daripada mana-mana agensi kerajaan bagi membesarkan bengkel beliau dengan menaiktarafkan daripada sebuah bengkel menjadi sebuah kilang untuk mengeluarkan produk-produk bumiputera yang halal dan pekerja-pekerjanya adalah orang kurang upaya dan golongan asnaf yang terpilih di Perlis*



# NOR HIDAYAH
Binti Radzli

**Sektor :** Industri Asas Tani

Agensi Pembimbing : MADA

*Umur*
**35 Tahun**

*Nama Syarikat*
**Chef Mickeypinky Enterprise**

*No. Daftar Syarikat*
**IP0410260-6**

*Email/Sosial Media*
**FB: @empbakerycafe**

*Alamat Projek*
**Simpang Empat, Perlis**

*Jenis Projek*
**Pemprosesan Bakeri**

*Tahun Menerima Geran*
**2018**

*Nilai Geran*
**RM 15,000.00**

*Pendapatan Kasar Projek (RM) / Tahunan*
**RM 96,000**

*Persijilan*
**HALAL**

*Pasaran Tempatan*
**Tempatan**






## Sejarah

*Sebelum tertubuhnya kedai bakeri beliau telah menimba ilmu pengetahuan diri dengan kemahiran berkaitan dengan penyediaan, pembuatan dan hiasan kek serta roti yang sewajarnya dari pengalaman berkursus di sekitar Alor Setar dan Jitra.*

## Kisah Kejayaan

*Dari minat yang mendalam dan semangat yang tinggi untuk meningkatkan sosial ekonomi, beliau berusaha mengumpul wang daripada pendapatan bulanan yang di perolehi dan berjaya membeli oven dan 1 heavy duty mixer beberapa peralatan lain yangg berkenaan.Ini adalah sebahagian daripada langkah mempersiapkan diri beliau menjadi seorang pengurus yang berkaliber*

## Wawasan/Harapan

*Memastikan orang Islam mempunyai alternatif dalam membeli produk bakeri halal. Berasaskan motto "Delicious Story" ianya dapat menarik pelanggan untuk membeli dan merasa keenakkan roti dan kek. Selain itu, dapat meningkatkan lagi peratusan orang Melayu menceburkan diri dalam perniagaan bakeri ini.*



# SITI ROHAYA
Binti Abu Bakar

**Sektor :** Industri Asas Tani

Agensi Pembimbing : MADA

*Umur*
**42 Tahun**

*Nama Syarikat*
**Shamil Warisan Enterprise**

*No. Daftar Syarikat*
**AS 0349556-x**

*E-Mel/Sosial Media*
**cheyaya@gmail.com**

*Alamat Projek*
**Alor Setar, Kedah**

*Jenis Projek*
**Pemprosesan Kek dan Roti**

*Tahun Menerima Geran*
**2017**

*Nilai Geran*
**RM 15,000.00**

*Pendapatan Kasar Projek (RM) / Tahunan*
**RM54,000.00**

*Persijilan*
**-**

*Pasaran Tempatan*
**Tempatan**








# FARAH WAHIDA
Binti Zainuddin

**Sektor :** Industri Asas Tani

Agensi Pembimbing : MADA

## Sejarah

*Perniagaan ini bermula pada tahun 2010 dan dijalankan secara 'homemade' di rumah dan pada awalnya hanya untuk menambah pendapatan keluarga. Produk keluaran pertama adalah dadih dimana ianya dijual di dalam kotak polisterin dan diletakkan di kafeteria Hospital Tunku Fauziah, Kangar dan juga UniMAP. Alhamdulillah lama-kelamaan produk Dadih Marissa semakin dikenali dan mendapat permintaan tinggi di pasaran. Bermula pada detik itu, beliau mula terfikir untuk mengembangkan lagi perniagaannya bukan sekadar menambah pendapatan keluarga tetapi turut memberi peluang perniagaan kepada orang lain.*

## Kisah Kejayaan

*Alhamdulillah dengan bantuan daripada pihak MADA dan beberapa agensi yang lain, beliau berjaya mengembangkan lagi perniagaan dengan menambah 1 lot premis memandangkan ruang lot sedia ada adalah sangat terhad. Produk dadih dan susu Marissa juga telah mula memasuki pasaran negeri Kedah dan juga mula memasarkan produk melalui platform e-Dagang serta berjaya menubuhkan Syarikat DHIA MILYOUN Sdn Bhd bagi tujuan jaminan pemilikan dan eksport produk.*

## Wawasan/Harapan

*Semoga tahun 2021 memberi sinar yang lebih cemerlang untuk syarikat mengembangkan lagi perniagaan dan menjadi salah sebuah syarikat yang berjaya dalam industri makanan dengan menghasilkan produk yang berkualiti dan dijamin halal serta pada masa yang sama dapat membuka peluang pekerjaan baru kepada penduduk setempat.*

*Umur*
**38 Tahun**

*Nama Syarikat*
**Dhia Milyoun Sdn Bhd**

*No. Daftar Syarikat*
**1209935-K**

*E-Mel/Sosial Media*
**dadihmarissa.sales @gmail.com**

*Alamat Projek*
**Kuala Perlis, Perlis**

*Jenis Projek*
**Pemprosesan Produk Tenusu**

*Tahun Menerima Geran*
**2015**

*Nilai Geran*
**RM 15,000.00**

*Pendapatan Kasar Projek (RM) / Tahunan*
**RM309,300.00**

*Persijilan*
**MESTI**

*Pasaran Tempatan*
**Seluruh Malaysia**








# SARAH
Binti Hussain

**Sektor :** Industri Asas Tani

Agensi Pembimbing : MADA

## Sejarah

*Terlibat secara langsung kerana produk ini merupakan warisan keluarga. Mula serius apabila tamat kontrak bekerja dengan Jabatan Pendidikan (guru ganti). Peluang kerja yang tidak stabil mendorong beliau untuk serius dalam bidang perniagaan.*

## Kisah Kejayaan

*Mendapat liputan TV9 dalam produk pekasam dan mendapat sambutan di Pendang, Kedah disebabkan Peningkatan pengeluaran produk yang memberangsangkan permintaan terhadap produk pekasam yang tinggi.*

## Wawasan/Harapan

*Harapan beliau agar produk yang di usahakan boleh ditambah-baik dari segi pembungkusan, pasaran, naik taraf pensijilan dan memberi lebih peluang pekerjaan untuk masyarakat.*

*Umur*
**37 Tahun**

*Nama Syarikat*
**Qaseh Sarah Utara Enterprise**

*No. Daftar Syarikat*
**AS 0382544-K**

*E-Mel/Sosial Media*
**sarah02606020@mail.com**
**FB: Sara Hussain**

*Alamat Projek*
**Pendang, Kedah**

*Jenis Projek*
**Pemprosesan Pekasam**

*Tahun Menerima Geran*
**2017**

*Nilai Geran*
**RM 15,000.00**

*Pendapatan Kasar Projek (RM) / Tahunan*
**RM60,000.00**

*Persijilan*
**-**

*Pasaran Tempatan*
**Tempatan**





# Sejarah

*Beliau merupakan seorang graduan di salah satu IPTS di Sungai Petani dengan jurusan pereka grafik. Bermula pada tahun 2015, berbekalkan minat yang mendalam dan hasil duit simpanan di dalam ASB, beliau memulakan perniagaan dengan modal RM2,000.00 untuk membeli madu hutan dari pihak pemborong secara kecil-kecilan.*

*Bermula dengan jualan 24 botol madu dalam tempoh masa 3 hingga 4 hari tanpa pengalaman asas dalam industri pengeluaran madu namun di situlah timbul minat yang mendalam dan seterusnya membawa kepada perniagaan madu.*

*Sehingga kini Aura Sunnah Sdn Bhd berniaga tanpa membuat sebarang pinjaman dari mana-mana bank. Bantuan dari Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan menerusi Geran Agropreneur Muda dan bimbingan agensi MADA memberi sinar bagi meluaskan lagi empayar Aura Sunnah. Kini dikenali sebagai AURA SUNNAH LEGACY SDN.BHD bagi memasarkan produk AURABEES yang telah dilancarkan secara rasmi pada bulan Mac 2020 di atas penjenamaan semula jenama tersebut. Jika diberikan peluang AURA SUNNAH LEGACY SDN BHD ingin melahirkan produk yang berasaskan Madu seperti Kopi Madu dan sebagainya*

# Kisah Kejayaan

*Bermula tahun 2021, syarikat telah berjaya menubuhkan satu program AURA Infaq iaitu salah satu program di bawah Jabatan Kebajikan Masyarat dan berdaftar sebagai NCR. Hasil keuntungan syarikat ini di beri kepada Asnaf, Fakir Miskin, Pembinaan Masjid, Anak Yatim, SekolahTahfiz dan Ibu Tunggal. AURA SUNNAH LEGACY SDN BHD telah merangka pelan untuk melahirkan beberapa usahawan pengedar yang berjaya di setiap negeri dengan sasaran jualan secara purata melebihi RM 9,000.00 sebulan. Selain itu syarikat juga merancang untuk melahirkan Jutawan Usahawan AURA BEES dengan prinsip bimbingan dari "Zero To Hero" menggunakan platform penjualan Madu Hutan ini.*

# Wawasan/Harapan

*Melahirkan lebih ramai lagi usahawan berjaya dan beliau berharap dengan adanya agensi seperti MADA dan lain-lain agensi di bawah Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan (MAFI) akan dapat memberi bantuan serta bimbingan yang berterusan kepada usahawan muda supaya generasi Y yang ada pada masa kini dapat mengambil peluang untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan berasaskan pertanian dan mewujudkan seberapa banyak peluang pekerjaan.*



## MOHAMAD FITRI
Bin Aziz

**Sektor :** Industri Asas Tani

Agensi Pembimbing : MADA

*Umur*
**40 Tahun**

*Nama Syarikat*
**Aura Sunnah Sdn Bhd**

*No. Daftar Syarikat*
**1139093 K**

*E-Mel/Sosial Media*
**aurasunnah2u@gmail.com**
**FB: Fitri Aziz**
**FB: AuraBees**

*Alamat Projek*
**Simpang Empat, Perlis**

*Jenis Projek*
**Pemprosesan Madu Lebah Dan Kelulut**

*Tahun Menerima Geran*
**2017**

*Nilai Geran*
**RM 15,000.00**

*Pendapatan Kasar Projek (RM) / Tahunan*
**RM 840,000.00**

*Persijilan*
**HALAL dan MESTI**

*Pasaran Tempatan*
**Seluruh Malaysia**






# Sejarah

*Beliau bermula pada hujung tahun 2008 dengan membuat dan menjual pekasam. Namun pada tahun 2009, berbekalkan kreativiti yang ada, beliau telah menjual pekasam bersama bubur nasi. Kemudiannya pada sekitar tahun 2010, beliau telah menambah variasi kepada produk buburnya dengan mempelbagaikan lagi pilihan menu gandingan bubur iaitu memperkenalkan 4 jenis serunding iaitu serunding ayam, ayam original, daging dan ikan. Syarikat BIG POT FOOD & BEVERAGE mengambil langkah drastik apabila menjenamakan bubur nasi mereka dengan jenama BigPot® dan telah diperakukan oleh pihak Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO).*

# Kisah Kejayaan

*Sehingga kini syarikat telah berjaya mengeluarkan lebih 27 menu tambahan yang dibuat dan diproses sendiri. Pada tahun 2016 syarikat telah memperolehi Geran Agropreneur Muda (GAM) dari Kementerian Pertanian dan Industri Makanan menerusi pihak agensi MADA. Dengan adanya bantuan geran tersebut ia dapat meningkatkan lagi kapasiti pengeluaran produk dan juga mempercepatkan proses kerja. Bermula tahun 2020 pihak syarikat telah menambah konsep kiosk jualan yang dijenamakan sebagai ManggoEpic dimana ianya turut menyediakan beberapa SKU istimewa berasaskan menu mempelam iaitu mango shake.*

# Wawasan/Harapan

*Harapan beliau agar perniagaan yang dijalankan dapat memberi manfaat kepada ramai orang melalui produk dan perkhidmatan yang ditawarkan. Beliau juga mengimpikan suatu hari nanti jenama jenama dibawah Syarikat BIG POT FOOD & BEVERAGE menjadi terkenal di Malaysia dan di luar negara. Cita- cita beliau agar ramai anak muda yang ingin mempunyai perniagaan sendiri boleh memulakan perniagaan mereka melalui jenama yang telah pihak syarikat bangunkan. Dengan kepercayaan yang diberikan pihak syarikat, beliau yakin ramai usahawan boleh berpayung dibawah jenama BigPot.*



## NOORAZIAH
Binti Azmi

**Sektor :** Industri Asas Tani

Agensi Pembimbing : MADA

*Umur*
**41 Tahun**

*Nama Syarikat*
**Big Pot Food & Beverage**

*No. Daftar Syarikat*
**AS 0355421-H**

*E-Mel/Sosial Media*
**FB: BIG POT Express**
**aziah.bigpot@gmail.com**

*Alamat Projek*
**Alor Setar, Kedah**

*Jenis Projek*
**Pemprosesan Serunding Dan Bubur Nasi**

*Tahun Menerima Geran*
**2017**

*Nilai Geran*
**RM 15,000.00**

*Pendapatan Kasar Projek (RM) / Tahunan*
**RM 231,000.00**

*Persijilan*
**MyIPO**

*Pasaran Tempatan*
**Tempatan**








# NURUL ZAIM
Bin Mat Saad
**Sektor :** Industri Asas Tani
Agensi Pembimbing : MADA

*Umur*
**36 Tahun**

*Nama Syarikat*
**Fidaz Jaya Enterprise**

*No. Daftar Syarikat*
**AS 02784072-V**

*E-Mel/Sosial Media*
**FB: : Nurul Zaim**

*Alamat Projek*
**Jitra, Kedah**

*Jenis Projek*
**Pemprosesan Santan Dan Kerisik**

*Tahun Menerima Geran*
**2015**

*Nilai Geran*
**RM15,000.00**

*Pendapatan Kasar Projek (RM) / Tahunan*
**RM387,000.00**

*Persijilan*
**-**

*Pasaran Tempatan*
**Tempatan**



## Sejarah

*Beliau adalah merupakan seorang lepasan kelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan telah mengusahakan perniagaan santan segar. Idea penubuhan perniagaan ini adalah daripada sokongan dan dorongan ibu beliau serta ahli keluarga. Perusahaan beliau terletak di Jitra, Kedah. Dengan bermodalkan RM10,000 beliau mula berkecimpung dengan perniagaan ini hampir 10 tahun lamanya. Berbekalkan wang modal tersebut beliau telah menyewa tapak di gerai MPKP, Pekan Kepala Batas dan membeli segala mesin serta peralatan yang diperlukan untuk memproses santan segar sahaja. Selepas 3 tahun menjalankan perniagaan santan segar beliau memperkembangkan lagi perniagaan dengan memproses kerisik.*

## Kisah Kejayaan

*Pada tahun 2016 beliau telah memohon bantuan GAM melalui Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dengan kelulusan peruntukan berjumlah RM15,000.00. Dengan adanya bantuan ini, ianya dapat mempercepatkan proses dan meningkatkan kapasiti pengeluaran santan serta pada masa yang sama dapat memenuhi permintaan pasaran semasa. Pendapatan beliau pada ketika itu dianggarkan mampu mencecah RM 12,000 sebulan sahaja. Melalui cadangan dan bimbingan pegawai bimbingan dari PPK Tenaga Baru, MADA H-II Kepala Batas, beliau didedahkan kaedah pemasaran yang lebih baik melalui penggunaan aplikasi whatsapp dan juga turut meluaskan aktiviti pemasaran melalui kaedah ejen yang dilantik. Kini pendapatan beliau telah mampu mencapai dari RM48,000 hingga RM55,000 sebulan. Beliau juga telah mempelbagaikan produk selain santan segar dan kerisik, iaitu turut menjual minyak kelapa dara, minyak tanah dan kelapa parut.*

## Wawasan/Harapan

*Beliau berhasrat untuk memperbesarkan lagi perniagaan dengan membuka sebuah kilang dan memasarkan produk-produk keluaran syarikatnya ke pasaraya besar seperti Tesco, Mydin, Pasaraya Jimat, dan mempunyai pembungkusan santan dan kerisik yang lebih menarik setanding dengan kilang IKS yang lain.*





# MOHD ADHA
Bin Murad
**Sektor :** Industri Asas Tani
Agensi Pembimbing : MADA

*Umur*
**37 Tahun**

*Nama Syarikat*
**Almask Smart Enterprise**

*No. Daftar Syarikat*
**AS0391294-V**

*E-Mel/Sosial Media*
**miAdha.alfatih@gmail.com**
**FB: Adha Food HQ,**
**IG: Adha Food HQ,**
**HQ: a_mf@yahoo.com**

*Alamat Projek*
**Jitra, Kedah**

*Jenis Projek*
**Pemprosesan Frozen dan Sos**

*Tahun Menerima Geran*
**2019**

*Nilai Geran*
**RM 15,000.00**

*Pendapatan Kasar Projek (RM) / Tahunan*
**RM 90,962.58**

*Persijilan*
**-**

*Pasaran Tempatan*
**Tempatan**



## Sejarah

*Beliau adalah merupakan seorang lepasan Sijil Politeknik bagi jurusan elektik dan elektronik dan pernah menjawat jawatan sebagai Penolong Jurutera di sebuah syarikat swasta di Kuala Lumpur. Oleh kerana terlalu minat dalam perniagaan makanan, beliau bertekad melepaskan jawatan tersebut pada penghujung tahun 2015 dan membuat perancangan terperinci untuk memulakan perniagaan sejuk beku. Pada tahun 2016 tercapailah matlamat beliau dalam menjalankan perniagaan tersebut dan menggunakan jenama Adha Food yang berasaskan produk sejuk beku. Produk yang diusahakan ketika mula-mula operasi dahulu adalah adalah kambing perap, ayam chicken chop, sos bbq, sos lada hitam dan popia tunis. Pada peringkat permulaan beliau hanya memasarkan produk dikawasan sekitar kediaman dan kenalan rapat sahaja.*

## Kisah Kejayaan

*Setelah 5 tahun berkecimpung dalam perniagaan sejuk beku, beliau telah berjaya menambah beberapa lagi produk iaitu Sos Cili, Daging Perap, Ayam Perap, Seafood, Daging-daging Steak (Wagyu), Kambing tempatan (frozen) dan Ayam organic (frozen). Ketika dahulu pasarannya hanya kawasan sekitar sahaja tetapi kini telah meluas ke negeri Perlis, Perak, Penang dan Kuala Lumpur. Produk beliau juga dapat memasuki ke restoran-restoran mewah dengan membuat hubungan kerjasama syarikat Meat Streak BBQ di Alor Setar.*

## Wawasan/Harapan

*Beliau berhasrat mengembangkan lagi perniagaan dan memasarkan produk sejuk beku keluarannya ke luar negara. Cita-cita beliau adalah untuk menjadikan syarikatnya sebagai pengeksport dan pengimport daging luar negara.*



## Sejarah

*Pada tahun 2018, beliau telah berdaftar dengan MADA dan diperkenalkan dengan Program Agropreneur Muda (PAM) di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI). Dengan adanya bantuan mesin dan peralatan menerusi Geran Agropreneur Muda (GAM) ini, beliau dapat memenuhi permintaan yang sangat menggalakkan. Sehinggakan beliau terpaksa mencari premis baru yang lebih selesa bagi menampung permintaan yang tinggi dari pelanggan dan beliau mula memasarkan secara sejuk beku (frozen) pula.*

## Kisah Kejayaan

*Setelah 3 tahun berkecimpung dalam dunia perniagaan karipap pusing, beliau telah berjaya mendapat bantuan peralatan dibawah Geran Agropreneur Muda (GAM) dan penambahbaikan bengkel daripada pihak MADA. Kini, beliau telah berjaya menghasilkan empat kali ganda pengeluaran daripada sebelumnya kerana saiz keluasan bengkel tersebut boleh menampung lebih banyak mesin dan lebih ramai pekerja. Di premis perniagaan baru itu, beliau merancang untuk mengadakan tempat pemprosesan dan tempat jualan karipap pusing secara langsung.*

## Wawasan/Harapan

*Beliau berhasrat untuk mendapatkan pengiktirafan MeSTI dan HALAL bagi mengembangkan lagi perniagaan dan memasarkan produk karipap pusing keluaran syarikat ke seluruh Semenanjung Malaysia.*



## NAZATUL SHIMA
Binti Mohd Diah
**Sektor :** Industri Asas Tani
Agensi
Pembimbing : MADA

*Umur*
**37 Tahun**

*Nama Syarikat*
**AZFA Frozen**

*No. Daftar Syarikat*
**AS0359463-K**

*E-Mel/Sosial Media*
**karipappusingtradisional @gmail.com**

*Alamat Projek*
**Alor Setar, Kedah**

*Jenis Projek*
**Pemprosesan Karipap Pusing**

*Tahun Menerima Geran*
**2019**

*Nilai Geran*
**RM 15,000.00**

*Pendapatan Kasar Projek (RM) / Tahunan*
**RM129,200.00**

*Persijilan*
**MyIPO**

*Pasaran Tempatan*
**Tempatan**





## Sejarah

*Beliau adalah merupakan seorang lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan telah mengusahakan perniagaan kek dari tahun 2017 secara kecil-kecilan di rumah. Pada peringkat permulaan beliau hanya mampu pasarkan produk di sekitar kediaman dan tempahan orang perseorangan sahaja.*

## Kisah Kejayaan

*Setelah 3 tahun berkecimpung dalam dunia perniagaan bakeri, beliau telah berjaya menyewa satu premis untuk jualan produk di pekarangan Masjid Jelempok, Arau. Beliau juga memberi peluang kepada usahawan lain bagi memasarkan produk menerusi kedainya.*

## Wawasan/Harapan

*Beliau bercadang untuk memperbesarkan lagi perniagaan dan memasarkan produk lebih jauh lagi.*

*Beliau juga berhasrat untuk memiliki kedai sendiri yang lebih luas untuk menjalankan kerja bakeri dengan lebih selesa.*



## NOR HARYANA
Binti Yaakob
**Sektor :** Industri Asas Tani
Agensi
Pembimbing : MADA

*Umur*
**37 Tahun**

*Nama Syarikat*
**PY Cheese Cake & Bakery**

*No. Daftar Syarikat*
**RA0046231-H**

*E-Mel/Sosial Media*
**fazried_fayyadh@yahoo.com**
**FB : @pycheesecake**

*Alamat Projek*
**Arau, Perlis**

*Jenis Projek*
**Pemprosesan Bakeri**

*Tahun Menerima Geran*
**2019**

*Nilai Geran*
**RM 15,000.00**

*Pendapatan Kasar Projek (RM) / Tahunan*
**RM84,000.00**

*Persijilan*
-

*Pasaran Tempatan*
**Tempatan**







## ANIS NADIA
Binti Mohd Nasir
**Sektor :** Industri Asas Tani
Agensi Pembimbing : **MARDI**

## Sejarah

*Pada tahun 2017, beliau memilih untuk bersara dari dunia pekerjaan dan balik ke kampung halaman. Bapanya meminati bidang tanaman buah, lalu mencetuskan idea penubuhan Fruitjoey. Beliau mengkormesialkan produk hasil buah-buahan tempatan kepada jus, kordial dan halwa.*

## Kisah Kejayaan

*Menerima Geran Agroprenuer Muda pada 2018.Digunakan untuk meningkatkan kualiti dan kapasiti produk melalui pembelian alat-alat dan mesin untuk pemprosesan jus / kordial markisa dan roselle.*

## Wawasan/Harapan

*Pasaran Fruitjoey akan lebih meluas dengan produk lebih berdaya saing sekaligus dapat menyumbang kepada sumber pendapatan komuniti setempat.*

*Umur*
**37 Tahun**

*Nama Syarikat*
**Fruitjoey**

*No. Daftar Syarikat*
**KB/2017/3107**

*E-Mel/Sosial Media*
**anisnadia.nasir@gmail**
**FB: fruitjoeyanis**
**IG: fruitjoey_official**

*Alamat Projek*
**Kota Belud, Sabah**

*Jenis Projek*
**Pemprosesan Kordial dan Jus buah**

*Tahun Menerima Geran*
**2017**

*Nilai Geran*
**RM 15,000.00**

*Pendapatan Kasar Projek (RM) / Tahunan*
**RM 40,000.00**

*Persijilan*
**-**

*Pasaran Tempatan*
**Tempatan**







## SHAHIRA ELANI
Binti Mat Daud
**Sektor :** Industri Asas Tani
Agensi Pembimbing : **MARDI**

## Sejarah

*FNS FOOD MANUFACTURING mula beroperasi pada tahun 2015 secara kecil-kecilan di rumah. Produk asas adalah sos pencicah yang diwarisi dari keluarga dan ditambahbaik dengan mengikuti kursus di MARDI.*

## Kisah Kejayaan

*Kini, beliau telah berjaya memasarkan produk di 500 outlet termasuk kedai-kedai runcit di seluruh negeri Kelantan.*

## Wawasan/Harapan

*Dapat meningkatkan kapasiti pengeluaran bagi memenuhi permintaan pelanggan, dan memperluaskan pasaran hingga ke luar negara dengan mengekalkan kualiti dan ketahanan produk.*

*Umur*
**35 Tahun**

*Nama Syarikat*
**Fns Food Manufacturing**

*No. Daftar Syarikat*
**KT-0334429-W**

*E-Mel/Sosial Media*
**-**

*Alamat Projek*
**Tumpat, Kelantan**

*Jenis Projek*
**Pemprosesan Sos Pencicah**

*Tahun Menerima Geran*
**2017**

*Nilai Geran*
**RM 15,000.00**

*Pendapatan Kasar Projek (RM) / Tahunan*
**RM 120,000.00**

*Persijilan*
**-**

*Pasaran Tempatan*
**Tempatan**






## Sejarah

*Pada tahun 2017, beliau telah mendapatkan khidmat nasihat daripada agensi MARDI dan berhasrat untuk menghasilkan produk dodol untuk dipasarkan. Melalui khidmat nasihat dan kursus yang disyorkan kepada beliau iaitu Kursus Latihan Sangkut Pemprosesan Dodol di MARDI Pendang. Beliau telah berjaya menghasilkan dodol dan mendapat permintaan pasaran yang tinggi. Oleh itu, beliau berusaha mendapatkan sebuah premis dan mula menjalankan pemprosesan dodol di permis tersebut. Disebabkan oleh komitmen beliau terhadap bidang perniagaan ini, beliau juga telah berjaya menjadi salah seorang usahawan Agroprenuer Muda MARDI pada tahun 2017.*

## Kisah Kejayaan

*Pada tahun 2017, dengan khidmat bimbingan daripada pegawai agensi beliau telah berjaya mendapatkan pensijilan HALAL dan MesTi. Pada tahun 2018, beliau berjaya mendapatkan Geran Agropreneur Muda sebanyak RM 15000. Melalui geran ini, beliau telah membeli beberapa peralatan bagi meningkatkan kapasiti pengeluaran produk beliau. Dari segi pasaran, beliau juga telah berkerjasama dengan beberapa syarikat luar dan menjadi pengilang bagi produk syarikat tersebut. Pada tahun 2019, beliau telah mengeluarkan produk baru berasakan kurma dan cili boh.*

## Wawasan/Harapan

*Membuka beberapa cawangan syarikat bagi memproses dan memasarkan produk syarikat dan Berharap dapat menambahkan lagi pasaran produk syarikat untuk di eksport ke luar negara.*



## DEVANDAREN
A/L Ganesan

**Sektor :** Industri Asas Tani
Agensi Pembimbing : **MARDI**

*Umur*
**30 tahun**

*Nama Syarikat*
**Malayan Food Venture**

*No. Daftar Syarikat*
**PG0411070-W**

*E-Mel/Sosial Media*
**dev@malayanfood.com**

*Alamat Projek*
**Butterworth, Pulau Pinang**

*Jenis Projek*
**Pemprosesan Dodol**

*Tahun Menerima Geran*
**2017**

*Nilai Geran*
**RM 15,000.00**

*Pendapatan Kasar Projek (RM) / Tahunan*
**RM160,000.00**

*Persijilan*
**HALAL, MESTI**

*Pasaran Tempatan*
**Tempatan**





## Sejarah

*Bermula di rumah secara kecil- kecilan dengan modal RM 2,000.00 dan menggunakan peralatan sedia ada. Pelanggan terdiri dari rakan - rakan, keluarga. Apabila mendapat permintaan, mula berpindah di premis sedia ada dan pelanggan terdiri dari masyarakat setempat dan negeri-negeri lain. Dari 1 perisa kek menjadi 15 perisa sehingga kini.*

## Kisah Kejayaan

*Mula mendapat permintaan pada tahun 2016 seterusnya berpindah ke premis di Ayer keroh dan mendapat bantuan geran dari agensi kerajaan ( MARDI ) berupa peralatan. Bermula dari situ ZOWA terus berkembang dari segi kuantiti & kualiti pengeluaran seterusnya berjaya menguasai 25% pasaran di Melaka. ZOWA berjaya membuka kiosk/booth di pasaraya dan karnival. Mempunyai lebih ramai ejen di seluruh semenanjung. ZOWA juga berjaya menetapkan harga yang amat berpatutan dan tiada menaikkan harga walaupun ekonomi semakin meningkat kerana Geran Agropreneur Muda telah sedikit sebanyak membantu dalam perkembangan syarikat ZOWA. ZOWA juga kini mampu bersaing di pasaran tempatan dengan sokongan dan khidmat dari pihak agensi-agensi seperti MARDI.*

## Wawasan/Harapan

*Menerajui dan menembusi pasaran dan menjadi pilihan no 1 masyarakat Malaysia dan di Luar Malaysia. Sentiasa menghasilkan produk yg berkualiti dan mencari kelainan dan mampu bersaing dengan produk yang sedia ada di pasaran dunia.*



## ERAVAIZURA
Binti Salleh

**Sektor :** Industri Asas Tani
Agensi Pembimbing : **MARDI**

*Umur*
**36 Tahun**

*Nama Syarikat*
**Era Management**

*No. Daftar Syarikat*
**UT 0000394 W**

*E-Mel/Sosial Media*
**eravaizura@gmail.com / FB: cheesecake zowa**

*Alamat Projek*
**Ayeh Keroh, Melaka**

*Jenis Projek*
**Pemprosesan Cheese Kek**

*Tahun Menerima Geran*
**2017**

*Nilai Geran*
**RM 15,000.00**

*Pendapatan Kasar Projek (RM) / Tahunan*
**RM 480,000.00**

*Persijilan*
**-**

*Pasaran Tempatan*
**Seluruh Malaysia**








## HASIMAH
Binti Hassan
**Sektor :** Industri Asas Tani
Agensi Pembimbing : MARDI

*Umur*
**41 Tahun**

*Nama Syarikat*
**AHA Kitchen**

*No. Daftar Syarikat*
**SA 0367900-K**

*E-Mel/Sosial Media*
**admin@tumisanbonda.com**
**FB : dapurtumisanbonda**
**IG : tumisan_bonda**
**www.tumisanbonda.com**

*Alamat Projek*
**Shah Alam, Selangor**

*Jenis Projek*
**Pemprosesan Pes Makanan**

*Tahun Menerima Geran*
**2019**

*Nilai Geran*
**RM 15,000.00**

*Pendapatan Kasar Projek (RM) / Tahunan*
**RM120,000.00**

*Persijilan*
**-**

*Pasaran Tempatan*
**Tempatan**



# Sejarah

*Beliau memulakan perniagaan ini pada tahun 2016 dan telah berdaftar dengan SSM atas nama AHA Kitchen. AHA bermaksud Azhar, Hashima & Anak2. Beliau ingin menjadikan perniagaan ini sebagai bisnes keluarga. Bisnes ini bermula daripada rumah dengan mempunyai 4 jenis pes masakan ketika itu. Setelah 3 bulan menjalankan perniagaan, beliau telah pun mempunyai 10 jenis SKU. Kesemuanya, beliau hasilkan sendiri dengan bantuan keluarga di rumah.*

# Kisah Kejayaan

*Disebabkan ruang memasak yang kecil dibelakang rumah dan permintaan pes yang semakin meningkat, maka pada bulan September 2017, beliau berpindah ke premis perniagaan di Jalan Kebun dengan keluasan premis 18x50". Pada masa yang sama, beliau mengaji dua orang pekerja untuk membantu beliau dalam persiapan awal hingga akhir.*

*Disebabkan permintaan yang semakin hari, semakin banyak, beliau tidak dapat menampung permintaan daripada pelanggan-pelanggan sedia ada.*

# Wawasan/Harapan

*Harapan beliau adalah ingin menembusi pasaran antarabangsa seperti China, Jepun, Korea, Arab Saudi, UK dan USA. Disamping itu ingin berkongsi rezeki dengan ejen-ejen diseluruh Malaysia. Beliau juga berharap dapat bekerjasama dengan lebih banyak syarikat untuk projek private labeling / OEM.*

---





## RIDZWAN HAFIDZ
Bin Rosli
**Sektor :** Industri Asas Tani
Agensi Pembimbing : MARDI

*Umur*
**30 Tahun**

*Nama Syarikat*
**Mama G Food Industries**

*No. Daftar Syarikat*
**-**

*E-Mel/Sosial Media*
**hafidz_ridzwan@gmail.com**
**www.mamagfood.com**

*Alamat Projek*
**Jasin, Melaka**

*Jenis Projek*
**Pemprosesan Sos Cheese**

*Tahun Menerima Geran*
**2016**

*Nilai Geran*
**RM 15,000.00**

*Pendapatan Kasar Projek (RM) / Tahunan*
**RM 1,220,000.00**

*Persijilan*
**HALAL & MeSTI**

*Pasaran Tempatan*
**Tempatan**



# Sejarah

*Beliau bermula tahun 2016 melalui projek sambal dan pes masakan. Bermula dengan baik sehingga memasuki pasaran AEON di seluruh Malaysia. Tahun 2017, perniagaan mula gagal kerana lambakan produk pes dan sambal memasuki pasaran. Tahun 2018, menggunakan mesin sama untuk menghasilan sos pedas. Menerima sambutan yang sangat baik. Mampu pindah ke kilang 3x lebih besar dari sebelum ini kerana fasiliti kilang lama tidak dapat memenuhi permintaan.*

# Kisah Kejayaan

*Antara 18 syarikat berdaftar dengan Petronas Dagangan Berhad. Top 3 jualan tertinggi di Petronas bagi kategori SME bagi tahun 2019. Sudah memasuki hampir 200 outlet di seluruh Malaysia. Mempunyai stokis di Singapura & Brunei.*

# Wawasan/Harapan

*Dapat menembusi lebih banyak pasaraya pada masa akan datang. InsyaAllah.*





## MUHAMMAD HASIF
Bin Md Darus
**Sektor :** Industri Asas Tani
Agensi Pembimbing : **MARDI**

## Sejarah

*Beliau bermula dengan meniaga di kaki lima bangunan dengan modal RM500.00. Pada awalnya, beliau hanya memproses kerepek di rumah sahaja. Pada tahun 2020, beliau mula berpindah ke bengkel PPK Labu.*

## Kisah Kejayaan

*Beliau telah berjaya membentuk kumpulan pemasaran dan jualan yang berdedikasi. Beliau juga telah berjaya memenangi Anugerah Pertubuhan Bisnes Terbaik dari Kementerian Wilayah Persekutuan pada tahun 2019.*

## Wawasan/Harapan

*Beliau berharap akan memperoleh pensijilan HALAL dan MESTI menjelang tahun 2021 supaya produknya dapat dieksport ke luar negara.*

*Umur*
**33 Tahun**

*Nama Syarikat*
**Dee Crunchies Legacy**

*No. Daftar Syarikat*
**NS0203938-H**

*E-Mel/Sosial Media*
**hasif0518@gmail.com**

*Alamat Projek*
**Labu, Negeri Sembilan**

*Jenis Projek*
**Pemprosesan Kerepek**

*Tahun Menerima Geran*
**2019**

*Nilai Geran*
**RM16,000.00**

*Pendapatan Kasar Projek (RM) / Tahunan*
**RM180,000.00**

*Persijilan*
**-**

*Pasaran Tempatan*
**Tempatan**







## ZAKINA
Binti Mohamad Zohaidi
**Sektor :** Industri Asas Tani
Agensi Pembimbing : **MARDI**

## Sejarah

*Pada mulanya, beliau hanya menjual donat bergula sahaja. Sambutan sangat menggalakkan. Permintaan daripada pelanggan semakin bertambah setiap hari. Kemudian barulah beliau mula menjual donat yang berperisa pula. Terdapat 8 jenis donat yang berperisa. Diantaranya ialah donat coklat, donat keju, donat strawberi, donat karamel, donat 'cookies', donat 'almond', donat tiramisu dan donat nestum.*

## Kisah Kejayaan

*Sebelum mendapat bantuan Geran Agropreneur Muda, beliau hanya mampu menjual donat sekitar 300 biji sehingga 400 biji sehari. Dan selepas mendapat bantuan geran IKC ini, jualan beliau telah meningkat sehingga 800 biji sehari. Kemudian, pada tahun 2016, beliau telah mendapat bantuan geran CUP daripada agensi pembimbing iaitu MARDI. Manakala pada tahun 2017, beliau telah mendapat bantuan geran PPRN daripada Kementerian Pengajian Tinggi.*

## Wawasan/Harapan

*Harapan beliau terhadap perniagaan Kisya Donuts ialah ingin membuka lebih banyak cawangan Kisya Donuts di sekitar negeri Perak. Dimana, beliau ingin membuka peluang kepada generasi muda untuk bersama-sama berkongsi rezeki dengan menjadi "licensee Kisya Donuts".*

*Umur*
**41 Tahun**

*Nama Syarikat*
**Shafreena Enterprise**

*No. Daftar Syarikat*
**IP0216859 - P**

*E-Mel/Sosial Media*
**FB: Kisya Bakery**
**IG: @kisyabakery**

*Alamat Projek*
**Ipoh, Perak**

*Jenis Projek*
**Pemprosesan Donut frozen**

*Tahun Menerima Geran*
**2015**

*Nilai Geran*
**RM 15,000.00**

*Pendapatan Kasar Projek (RM) / Tahunan*
**RM 849,000.00**

*Persijilan*
**MESTI**

*Pasaran Tempatan*
**Tempatan**





# SITI NORAZIAH
Binti Redzwan
**Sektor :** Industri Asas Tani
Agensi Pembimbing : **MARDI**



## Sejarah

*Pada awal tahun 2016, beliau mengambil keputusan untuk lebih serius dalam menjalankan perniagaan dan mengambil keputusan untuk belajar dalam bidang bakeri selama 6 bulan di Giat Mara Parit. Beliau mendapat sokongan daripada keluarga dan berganding bahu bersama adik-beradik kerana yakin bahawa produk bakeri mampu pergi lebih jauh dan mempunyai masa depan yang cerah. Berbekalkan modal RM200 untuk pembelian bahan mentah dan menggunakan peralatan sedia ada seperti oven dan mixer kecil, beliau berjaya mengeluarkan produk biskut kapasiti 100 balang biskut sebulan.*

## Kisah Kejayaan

*Pada tahun 2016, menerima geran bantuan berupa oven dan mixer industri dan masih jalankan operasi di rumah. Setelah beroperasi selama 2 tahun di rumah, pada Mac 2017, sebuah bengkel telah dibina bersebelahan rumah bagi membolehkan operasi perniagaan berjalan dengan lebih lancar dan teratur. Produk semakin mendapat sambutan dan mempunyai pelanggan tetap dan pembuatan biskut berjalan setiap hari walaupun bukan musim perayaan.*

## Wawasan/Harapan

*Beliau menyasarkan pada tahun 2022, akan mencapai sasaran revenue RM1juta yang pertama dengan menjadi peneraju kilang bumiputera yang berteknologi tinggi dalam pembuatan produk halal "ready-to-eat" yang mampu milik dan berkualiti tinggi di Malaysia dan negara-negara Asia. Harapan beliau juga dapat melahirkan ramai lagi usahawan produk tanpa perlu mengeluarkan produk sendiri dan membuka lebih banyak peluang pekerjaan khususnya bagi golongan belia dan asnaf.*

*Umur*
**32 Tahun**

*Nama Syarikat*
**Smile To Rich Global Resources**

*No. Daftar Syarikat*
**IP0457957W**

*E-Mel/Sosial Media*
**smiletorich@gmail.com**
**FB : Treesib HQ**
**IG : Treesib_hq**

*Alamat Projek*
**Pantai Remis, Perak**

*Jenis Projek*
**Pemprosesan Bakeri**

*Tahun Menerima Geran*
**2017**

*Nilai Geran*
**RM 15,000.00**

*Pendapatan Kasar Projek (RM) / Tahunan*
**RM350,000.00**

*Persijilan*
**-**

*Pasaran Tempatan*
**Seluruh Malaysia**





# JALINA
Binti Jahari
**Sektor :** Industri Asas Tani
Agensi Pembimbing : **MARDI**



## Sejarah

*Pada tahun 2017, beliau mula menjadi peserta program Agropreneur Muda di bawah bimbingan MARDI. Beliau memulakan perniagaan di rumah dengan seorang pembantu sahaja. Selepas 3 bulan, beliau mendirikan bengkel pemprosesan bengkel hasil keuntungan berniaga.*

## Kisah Kejayaan

*Bermula sebagai seorang suri rumah yang menjalankan perniagaan dari rumah sahaja, Fokus buat satu benda sehingga jadi dan melalui pelbagai cabaran, dan kini perniagaan Jalina Resources Millionaire dapat membantu lebih ramai lagi mendapatkan kerepek ubi dari jenama Yuly. Beliau dapat meningkatkan kapasiti pengeluaran dengan mengumpul stok pelahan-lahan kerana mesin yang ada agak kecil untuk mengeluarkan kapasiti yang lebih besar.*

## Wawasan/Harapan

*Harapan beliau agar mencapai sasaran pendapatan sejuta yang pertama,dan dengan adanya peningkatan pendapatan ini maka lebih banyak peluang peluang yang di wujudkan justeru itu dapat meningkatkn sumber pendapatan ekonomi negara.*

*Umur*
**36 Tahun**

*Nama Syarikat*
**Jalina Resources Millionaire**

*No. Daftar Syarikat*
**-**

*E-Mel/Sosial Media*
**FB : kak yuly**
**FB : yulybrands**
**IG : yuly_hq**

*Alamat Projek*
**Kota Marudu, Sabah**

*Jenis Projek*
**Pemprosesan Kerepek Ubi**

*Tahun Menerima Geran*
**2017**

*Nilai Geran*
**RM 15,000.00**

*Pendapatan Kasar Projek (RM) / Tahunan*
**RM70,000.00**

*Persijilan*
**-**

*Pasaran Tempatan*
**Seluruh Malaysia**






## Sejarah

*Pada awal tahun 2019, beliau telah memulakan dengan membuka Bengkel Santan Segar dan Cili Giling Asli. Seterusnya, Beliau menambah premis Mini Kilang untuk memproses Cili Kisar, Pes, Sambal dan Sos. Bermula projek OEM dan Private Labelling dan Cili Kisar Hizs secara komersil.*

## Kisah Kejayaan

*Mendapat bantuan Geran Agropreneur Muda pertama dari Jabatan Pertanian Klang dan MARDI. Antara bantuan yang diterima adalah Mesin memproses cili giling dan pembungkusan.*

## Wawasan/Harapan

*Beliau ingin menjadi pengeluar makanan Halal Bumiputra yang diyakini oleh pengguna beragama Islam di seluruh Malaysia.*



# SUZANA
Binti Yaakub
**Sektor :** Industri Asas Tani
Agensi Pembimbing : **MARDI**

*Umur*
**44 Tahun**

*Nama Syarikat*
**Hizs Food Sdn Bhd**

*No. Daftar Syarikat*
**1359944-T**

*E-Mel/Sosial Media*
**Suzana.hizs@gmail.com ,**
**FB: Suzana Yaakub**
**FB/IG: Santan Mawar Hizs**
**FB/IG: Cili Kisar Hizs**
**FB/IG: Kilang Sambal Hizs**
**FB/IG: DrSambal's HQ**

*Alamat Projek*
**Shah Alam, Selangor**

*Jenis Projek*
**Pemprosesan Santan Segar**

*Tahun Menerima Geran*
**2015**

*Nilai Geran*
**RM15,000.00**

*Pendapatan Kasar Projek (RM) / Tahunan*
**RM749,000.00**

*Persijilan*
**Halal**

*Pasaran Tempatan*
**Tempatan**






## Sejarah

*Idea ini bermula daripada ibu beliau. Dimana lebihan stok roti yang belum tamat tempoh dijadikan roti kering. Idea untuk membuat biskut kelapa ranggup ini tercetus apabila serbuk roti yang dihasilkan digabungkan bersama kelapa parut segar. Disebabkan rasa biskut yang ranggup dan sedap, beliau cuba melakukan uji rasa kepada rakan-rakan dan keluarga beliau. Ramai rakan dan ahli keluarga beliau mengemari biskut ini dan membuat tempahan untuk dijual. Permintaan yang tinggi terhadap biskut ini menyebabkan beliau lebih serius dengan projek ini. Beliau yakin bahawa biskut ini mampu dikomersialkan dan mempunyai pasaran yang luas pada masa hadapan.*

## Kisah Kejayaan

*Beliau berjaya menyewa sebuah bengkel di Jabatan Pertanian bagi menjalankan projek ini. Bermula dengan menggunakan acuan kecil dalam menghasilkan biskut kelapa, beliau telah berjaya memenangi tempat Pertama dalam Pertandingan Biskut Kelapa Di MAHA, Kuching pada tahun 2015 dan mendapat mesin membentuk biskut kelapa melalui Jabatan Pertanian. Mesin ini sangat membantu dan mampu menghasilkan sebanyak 50 biji biskut bagi setiap kali pembentukan. Selain itu, beliau juga telah berjaya menjadi salah seorang usahawan Agroprenuer Muda dan*

## Wawasan/Harapan

*Berhasrat untuk mendapatkan premis yang lebih luas dan selesa bagi memproses biskut kelapa. Beliau berharap dalam membuat satu inovasi bagi menghasilkan biskut kelapa berperisa dan dapat menarik minat kanak-kanak & golongan remaja.*



# NOOR INTAN LIANA
Binti Idris
**Sektor :** Industri Asas Tani
Agensi Pembimbing : **MARDI**

*Umur*
**43 Tahun**

*Nama Syarikat*
**Intan Sukma Enterprise**

*No. Daftar Syarikat*
**PG0218047-X**

*E-Mel/Sosial Media*
**intansukma1@gmail.com**

*Alamat Projek*
**Bukit Mertajam, Pulau Pinang.**

*Jenis Projek*
**Pemprosesan Biskut Kelapa Ranggup**

*Tahun Menerima Geran*
**2017**

*Nilai Geran*
**RM 15,000.00**

*Pendapatan Kasar Projek (RM) / Tahunan*
**RM60,000.00**

*Persijilan*
**MESTI**

*Pasaran Tempatan*
**Seluruh Malaysia**





## Sejarah

*Bermula pada awal 2015, beliau menghasilkan kek (brownies) sebagai hobi dan memuatnaik gambar produk di media sosial seperti di Facebook dan Instagram. Hasil perkongsian tersebut, rakan-rakan beliau telah membuat tempahan kek dan permintaan tempahan meningkat dari semasa ke semasa. Dengan bermodalkan dua biji ketuhar biasa, beliau hanya mampu menghasilkan sebanyak 50 biji kek bagi memenuhi tempahan. Apabila permintaan kian bertambah, ianya menjadi masalah kepada beliau untuk memenuhi semua tempahan pelanggan. Beliau terpaksa menolak tempahan yang terlalu banyak kerana kapasiti peralatan beliau tidak mampu untuk menampung pengeluaran yang tinggi.*

## Kisah Kejayaan

*Melalui Program Agropreneur Muda yang beliau sertai, beliau telah berjaya mendapat bantuan Geran One Off bagi membeli beberapa peralatan bagi menambah kapasiti pengeluaran. Dengan peralatan ini, beliau dapat menambahkan kapasiti pengeluaran daripada 10 biji sehari kepada 30 biji sehari. Disebabkan usaha gigih beliau, pihak MARDI memberi peluang kepada beliau memohon Geran Agropreneur Muda dan beliau telah berjaya mendapat GAM pada tahun 2018. Melalui GAM beliau berjaya meningkatkan lagi kapasiti sebanyak 50 biji sehari dan mempelbagaikan lagi produk. Pada 2020 , beliau telah berjaya mengeluarkan produk terbaru seperti cookies dan pelbagai jenis kek. Anggaran jualan seminggu mencecah sebanyak 100-150 kotak dengan bantuan 6 ajen di seluruh Pulau Pinang dan Kedah*

## Wawasan/Harapan

*Semoga dapat meningkatkan jualan dari semasa ke semasa dan manjadi salah satu pembekal kek dan kookies pilihan utama pelanggan. Beliau berharap dapat menjadi salah seorang pengedar kek ke seluruh Malaysia.*



# NUR DINI
Binti Elias

**Sektor :** Industri Asas Tani
Agensi Pembimbing : **MARDI**

*Umur*
**32 tahun**

*Nama Syarikat*
**Dinielias Enterprise**

*No. Daftar Syarikat*
**-**

*E-Mel/Sosial Media*
**dinielias@gmail.com**

*Alamat Projek*
**Jelutong , Pulau Penang**

*Jenis Projek*
**Pemprosesan Kek dan Biskut**

*Tahun Menerima Geran*
**2017**

*Nilai Geran*
**RM 15,000.00**

*Pendapatan Kasar Projek (RM) / Tahunan*
**RM144,000.00**

*Persijilan*
**-**

*Pasaran Tempatan*
**Tempatan**






## Sejarah

*Bermula dengan minat yang mendalam terhadap pembuatan makanan seperti kerepek, kek, dan pastry, kemudian disusuli dengan makanan sejuk beku seperti karipap, popia sayur dan temosa di musim perayaan serta tempahan yang diterima secara kecil-kecilan daripada saudara mara dan rakan terdekat. Dengan ini beliau telah membuat keputusan untuk mengorak langkah secara serius dan seterusnya mengubah arah syarikat ATZ Maju Enterprise yang sememangnya telah didaftarkan sejak 2013.*

## Kisah Kejayaan

*Pasaran semasa yang di edarkan oleh Mikayla Delicious seperti Az Zain Mart, Iwani Frozen Food, Ikhwan Butcher dan Tabena Mart. Pada bulan Disember 2019 permintaan produk meningkat secara mendadak apabila Mikayla terpilih menjadi pembekal kepada Lesung Mart yang mempunyai cawangan di seluruh Malaysia sehinggi kini telah mencecah 70 cawangan dan jumlah cawangan Lesung Mart semakin bertambah dari masa ke semasa. Sasaran Lesung Mart sehingga penghujung tahun 2020 adalah sebanyak 500 cawangan.*

## Wawasan/Harapan

*Sekarang proses pensijilan MESTI dan HALAL sedang dilakukan. Dengan adanya sijil-sijil tersebut, harapan beliau untuk luaskan lagi pasaran ke luar negara dan dapat membuka beberapa cawangan. Di sini juga akan membantu banyak peluang pekerjaan terutama kepada generasi muda untuk bersama –sama berkongsi rezeki dengan Mikayla Delicious.*



# WAN ROHAIZATI
Binti Wan Nawang

**Sektor :** Industri Asas Tani
Agensi Pembimbing : **MARDI**

*Umur*
**42 Tahun**

*Nama Syarikat*
**ATZ Maju Enterprise**

*No. Daftar Syarikat*
**002282806-W**

*E-Mel/Sosial Media*
**atzmikayla@gmail.com**

*Alamat Projek*
**Rawang, Selangor**

*Jenis Projek*
**Pemprosesan Kuih-kuih Sejuk Beku**

*Tahun Menerima Geran*
**2019**

*Nilai Geran*
**RM 15,000.00**

*Pendapatan Kasar Projek (RM) / Tahunan*
**RM300,000.00**

*Persijilan*
**-**

*Pasaran Tempatan*
**Seluruh Malaysia**







## MUHAMMAD FARIZ
Bin Mohd Jaffar

**Sektor :** Industri Asas Tani

Agensi Pembimbing : MARDI

## Sejarah

*Syarikat beliau merupakan antara pengeluar santan yang terawal menerima pensijilan MeSTI dan Halal JAKIM di negeri Melaka.*

## Kisah Kejayaan

*Menerima Anugerah Inovasi Pertanian dan Industri Asas Tani Jaya, sempena Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Peringkat Negeri Melaka Tahun 2019*

## Wawasan/Harapan

*Menjadi pembekal utama barangan keperluan harian dan berharap dapat mengembangkan lagi perniagaan di masa hadapan dan membuka peluang pekerjaan kepada penduduk setempat.*

*Umur*
**26 Tahun**

*Nama Syarikat*
**JR Sejagat Emprise Sdn Bhd**

*No. Daftar Syarikat*
**201701038025**

*E-Mel/Sosial Media*
**jrsejagat@gmail.com**

*Alamat Projek*
**Merlimau, Melaka**

*Jenis Projek*
**Pemprosesan Santan Segar**

*Tahun Menerima Geran*
**2017**

*Nilai Geran*
**RM 15,000.00**

*Pendapatan Kasar Projek (RM) / Tahunan*
**RM480,000.00**

*Persijilan*
**MESTI**

*Pasaran Tempatan*
**Tempatan**







## NORMULIANI
Binti Mohamed Khaidir

**Sektor :** Industri Asas Tani

Agensi Pembimbing : MARDI

## Sejarah

*Beliau bermula dari rumah sahaja pada peringkat awal. Beliau berusaha dengan gigih dan kini, memiliki sebuah kedai sendiri untuk memenuhi permintaan yang menggalakkan.*

## Kisah Kejayaan

*Walaupun hanya bermula sebagai untuk pendapatan sampingan, kini beliau secara sepenuh masa sebagai pembuat kek. Beliau turut dijemput sebagai tenaga pengajar dan kini turut memberikan kursus kek.*

## Wawasan/Harapan

*Berharap dapat meningkatkan lagi diri dalam bidang kek dan pastry, memiliki kedai yang besar untuk memberi peluang pekerjaan kepada penduduk setempat, dapat memiliki tempat mengajar yang selesa untuk mencurah ilmu kepada suri rumah untuk menambah pendapatan tambahan.*

*Umur*
**40 Tahun**

*Nama Syarikat*
**KMP Homemade Cake**

*No. Daftar Syarikat*
**KT0354729-K**

*E-Mel/Sosial Media*
**IG : kmphomemadecake**

*Alamat Projek*
**Bachok, Kelantan**

*Jenis Projek*
**Pemprosesan Bakeri**

*Tahun Menerima Geran*
**2017**

*Nilai Geran*
**RM 15,000.00**

*Pendapatan Kasar Projek (RM) / Tahunan*
**RM120,000.00**

*Persijilan*
**-**

*Pasaran Tempatan*
**Tempatan**





## Sejarah

*Beliau merupakan lulusan pengurusan perniagaan dari Kolej Islam Antarabangsa. Beliau menubuhkan Taqdir Enterprise pada tahun 2016 yang telah mengeluarkan produk salai. Dengan bermodalkan RM50,000 , beliau memulakan projek ini dengan melakukan penyelidikan terhadap kaedah sabak iaitu memanggang secara kepungan. Bermula dari situ, beliau membina sabak menggunakan batu - bata berpandukan idea bapanya.*

## Kisah Kejayaan

*Produk salainya menjadi pilihan kerana ia mampu bertahan lama antara 3 hingga 5 hari tanpa perlu disimpan dalam peti sejuk. Beliau mempelbagai produknya selain daging, beliau turut menjual ayam, itik, puyuh dan ikan keli. Beliau pernah menjadi Naib Johan Anugerah Ilham Desa Peringkat Negeri Sembilan (2014) dan Naib Johan Anugerah Ilham Desa Peringkat Kebangsaan (2015). Pada tahun 2016, beliau memenangi Rural Business Challange ( RBC ) untuk Produk Salai Warisan Nismilan. Pada tahun 2019, beliau telah membuka kedai makan pertaman-ya iaitu Sabak Salai di Bangi, Selangor.*

## Wawasan/Harapan

*Beliau berharap dapat membuka kilang berkapasiti besar dan mendapat pensijilan.*




# MOHAMMAD TAQDIR
Bin Sajin

**Sektor :** Industri Asas Tani
Agensi Pembimbing : **MARDI**

*Umur*
**31 Tahun**

*Nama Syarikat*
**Taqdir Enterprise**

*No. Daftar Syarikat*
**NS0127670-M**

*E-Mel/Sosial Media*
**sabaksalai@gmail.com**
**FB : Sabak Salai HQ**

*Alamat Projek*
**Pedas, Negeri Sembilan**

*Jenis Projek*
**Pemprosesan Produk Salai**

*Tahun Menerima Geran*
**2017**

*Nilai Geran*
**RM15,000.00**

*Pendapatan Kasar Projek (RM) / Tahunan*
**RM 500,000.00**

*Persijilan*
**-**

*Pasaran Tempatan*
**Tempatan**






## Sejarah

*Bermula dengan resepi perkongsian keluarga, beliau membuat acar secara kecil-kecilan. Bagi memastikan produk sentiasa memenuhi kehendak pelanggan, beliau berusaha untuk meningkatkan kualiti dan ketahanan produk. Beliau mula mendapatkan khidmat nasihat daripada pegawai agensi dan bergiat aktif mengikuti kursus-kursus serta program yang dianjur-kan oleh agensi seperti MARDI, FAMA dan JABATAN PERTANIAN. Melalui Program Agropreneur Muda yang disertai, pihak MARDI telah membantu beliau dengan memberi bantuan Geran One Off (2015) dan Geran Agropreneur Muda (2017). Melalui bantuan ini, beliau berjaya meningkatkan kapasiti pengeluaran dari 150 botol/bulan ke 500 botol/bulan dan menambah produk keluaran syarikat iaitu pes kebab.*

## Kisah Kejayaan

*Pada Tahun 2018, beliau telah menghasilkan Produk Acar Rosell dan memenangi tempat kedua Acar Terbaik Pulau Pinang serta memenangi hadiah saguhati 5 Acar Terbaik Pulau Pinang Kategori Industri yang telah dianjurkan oleh FAMA Negeri Pulau Pinang. Beliau juga bergiat aktif membantu golongan muda dan mengendalikan Program Mentor dan Mentee bersama pelajar UiTM Pulau Pinang. Pada Tahun 2019, Acar Buah Che Su telah dinobatkan sebagai Signature Produk Pulau Pinang, di Program Penang FAMA Fest 2019. Selain itu, beliau telah membawa Acar Buah Che Su menyertai Program Malaysia Fest 2019 Di Singapura bersama FAMA Pulau Pinang dan mengendalikan Program Mentor Dan Mentee bersama Politeknik Seberang Perai.*

## Wawasan/Harapan

*Merealisasikan konsep perniagaan tanpa perlu kepakaran tukang masak kedai makan boleh beroperasi seperti biasa. Penggunaan pes dapat menyelesaikan masalah pemilik kedai makan dan surirumah berkenaan penyediaan bahan masakan yang agak lama.*



# SURIATI
Binti Saari

**Sektor :** Industri Asas Tani
Agensi Pembimbing : **MARDI**

*Umur*
**41 Tahun**

*Nama Syarikat*
**Suriati EZ Cooking Solution**

*No. Daftar Syarikat*
**PG0387587**

*E-Mel/Sosial Media*
**FB : suriati ez cook**
**suriati.ezcook@gmail.com**

*Alamat Projek*
**Padang Serai, Kedah**

*Jenis Projek*
**Pemprosesan Pes Masakan**

*Tahun Menerima Geran*
**2017**

*Nilai Geran*
**RM 15,000.00**

*Pendapatan Kasar Projek (RM) / Tahunan*
**RM1,444,000.00**

*Persijilan*
**-**

*Pasaran Tempatan*
**Tempatan**



# Penghargaan

Unit Agropreneur Muda (UAM) merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai dan kakitangan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Jabatan dan Agensi di bawahnya di atas usaha gigih dan kerjasama yang diberikan di dalam menerbitkan buku ini.

Sekalung penghargaan juga dihulurkan kepada semua usahawan yang telah dipaparkan maklumatnya di dalam buku ini untuk dijadikan pembangkit semangat kepada golongan usahawan lain untuk menceburi sektor pertanian dan agromakanan.

Ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberi sumbangan tenaga dan idea sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan penerbitan buku ini.